

A white, textured tree silhouette is centered on a blue background. The tree has a thick trunk and several horizontal and diagonal branches, some of which are thicker than others. The overall appearance is that of a hand-drawn or stenciled tree.

malam tiada bintang

S.M. ERHAM ABADI

BIRO
KESUSASTRAAN
BORNEO

MALAM TIADA BINTANG

DITULIS OLEH S.M. ERHAM ABADI
DILUKIS OLEH LEONORA BALIA



BIRO KESUSASTRAAN BORNEO

©Borneo Literature Bureau, 1974

(Dianjurkan oleh Kerajaan-Kerajaan Negeri
Sarawak dan Sabah)

Jalan Tun Haji Openg,
Kuching, Sarawak,
Malaysia.

Dicetak oleh
Lee Ming Press,
Kuching.

KANDUNGANNYA MUKA SURAT

1.	Dendam Atas Dendam	1
2.	Sinar Harapan	18
3.	Cita-cita dan Airmata	29
4.	Anak Yang Baru Lahir	45
5.	Suratan Takdir	68
6.	Kerana Darjat	84
7.	Tangisan Perpisahan	93
8.	Pengorbanan	107
9.	Malam Tiada Bintang	120
10.	Air Surut Mudik Ke Hulu	134

DENDAM ATAS DENDAM

Sekarang hatinya sudah puas. Dia akan dapat apa yang dicita-citanya selama ini. Dia rasa tentu ayahnya akan tenteram di dalam kubur. Ayahnya akan menemui Tuhan dengan segala senang hati dan penuh rela.

Tapi ibunya tidak setuju. Dia tidak mahu bercerai dengan anaknya. Cuma Amir seorang sajalah anak lelakinya. Dan Ramlah yang kini berusia sembilanbelas tahun itu dilahir sebulan selepas suaminya meninggal.

Ayah Amir tidak sempat melihat wajah anak perempuannya. Dia telah ditembak oleh segerombolan komunis. Dan dia meninggalkan Amir yang masih kecil dan Ramlah yang masih dalam kandungan.

"Ibu, Amir masuk askar bukan kerana wang, tapi untuk berjuang mempertahankan

bangsa dan negara," kata Amin menerangkan kepada ibunya.

"Tapi Mir, relakah kautinggalkan ibu seorang diri?" kata ibunya sambil mengesatkan airmata.

"Bu, anak manakah yang sanggup meninggalkan ibu? Anak manakah yang mau bercerai dengan ibunya?"

Tangis ibunya semakin menjadi-jadi. Lengan bajunya sudah basah untuk mengesat airmatanya.

"Tapi bu, ayah mati kerana bangsa, kerana negara. Jasa ayah pada negara tidak akan luput. Dan aku.....aku.... anaknya akan menyambung bakti dan jasanya!" kata Amir dengan penuh perasaan.

"Tidak Mir, aku tak mau kaupergi. Kerja itu merbahaya. Kalau kaupergi bermakna kaumencari maut, Mir!" Tangis ibunya kian menjadi.

"Ibu, Amir pergi bukan nak cari maut. Mati bukan ditentukan oleh manusia, peluru atau senapang. Ibu, mati adalah kehendak Tuhan. Di mana-manapun kita akan mati. Dan setiap yang hidup itu akan mati bu."

Ibunya kian menangis terisak-isak. Hatinya hancur luluh; bagai kaca terhempas ke batu.

Beberapa tahun dulu pun dia menangis ketika suaminya pergi ke medan perjuangan. Dan bila suaminya kembali dalam keranda yang ditutupi dengan bendera, dia menangis, dan kemudian jatuh pingsan.

Sekarang dia menangis sekali lagi. Anak kesayangannya, anak lelakinya yang hanya seorang itu hendak mengikut jejak langkah suaminya, ayah Amir.

Suaminya dulu mencari sesuap nasi sambil mengejar maut. Kini anaknya juga mahu mencari maut.

"Minah, kalau Amir kelak mahu ikut langkahku, kaujangan halangi. Jangan kautangisi." Suara itu masih menendang-nendang kuping telinganya. Itulah wasiat yang ditinggalkan oleh mendiang suaminya dulu; sebelum dia pergi ke medan perang untuk kali yang terakhir.

"Ibu....." Amir bersuara.

Ibunya terkejut dari lamunannya.

"Ibu, kesatkanlah airmata ibu. Amir

cuma minta ibu berdoa semoga Amir selamat. Amir tak mahu ibu mengiringi Amir dengan airmata," kata Amir sebelum dia bertolak untuk menjalani latihan sebagai seorang askar.

Setelah tamat menjalani latihan Amir dan rakan-rakannya telah ditempatkan di suatu tempat di sempadan Sarawak-Indonesia.

* * * * *

Pengawal malam mereka membangunkan mereka dengan berbisik-bisik. Amir dan rakan-rakannya sedang tidur atas katil kanvas yang boleh dilipat-lipatkan dan senang dibawa ke sana ke mari. Mereka semua bangun dengan senyap-senyap. Mereka berbisik-bisik sambil mengosok-gosokkan mata mereka yang tidak cukup tidur itu.

"Jangan bising sangat," kata pengawal malam itu. "Bersiap-siaplah, kita akan pergi meronda di sebelah utara hutan ini," katanya lagi, suaranya rendah.

Kokok ayam sayup-sayup kedengaran. Embun jantan subuh mendakap khemah itu. Di langit yang pucat kelihatan kelompok-

kelompok awan putih. Bintang-bintang subuh mengerdip satu demi satu. Di sebelah barat awan hitam bersisik-sisik berarak malas.

Pasukan Amir bersiap dengan pantasnya, tapi dalam senyap-senyap. Dalam cahaya samar-samar itu mereka minum kopi 'O' pekat yang diisi dalam botol awal malam tadi dan makan beberapa keping roti kering.

Setelah siap berpakaian dan minum Amir keluar dari khemah itu.

Rakan-rakannya yang lain pun ikut keluar. Masing-masing membawa senjata. Masing-masing membawa peluru terikat di keliling pingang.

Amir membawa brengan. Dalam cahaya samar-samar itu dia memandang ke senapang itu.

"Cuma engkau sajalah akan membalas dendam di atas kematian ayahku," bisiknya kepada senapangnya, seolah-olah senapang itu mengerti cakupannya. Dendamnya kian membara.

Dia akan membunuh siapa saja musuhnya, musuh ayahnya, musuh keluarganya, musuh bangsa dan negaranya, dan musuh manusia yang cintakan negaranya.

Bintang-bintang dinihari mulai pucat. Langit semakin cerah. Bunyi burung-burung berkicauan jelas kedengaran. Pasukan Amir berjalan terus. Mereka berjalan berhati-hati, dengan memakai baju hijau seragam dan senapang berisi peluru sedia di tangan. Dalam hati masing-masing tiada lain. Mereka cuma ingat pada Tuhan. Pada ibu. Ingat pada keluarga mereka, pada isteri, anak-anak di rumah. Mereka cuma ingat pada adik-adik dan abang-abang mereka. Sekiranya mereka mati dalam hutan ini mereka tidak akan dapat berjumpa dengan manusia yang mereka kasihi.

Dalam kepala Amir terbayang dirinya diusung pulang dalam keranda bertudung bendera Malaysia. Ibunya akan menangis dan menjerit. Kemudian dia nampak ibunya jatuh ke lantai. Pengsan.

Tapi semangat Amir tidak patah. Dia mahu membela tanahair. Biar dia gugur bagai bunga bangsa. Biar dia memperjudikan nyawa, mempertaruhkan jiwa untuk negara. Dia tahu ramai kawan-kawan seperjuangannya mempunyai isteri dan anak. Ada juga yang masih mempunyai ibu yang sudah tua. Tapi mereka juga mempunyai semangat seperti dia - semangat yang berkobar-kobar.

Tapi kebanyakan daripada mereka berjuang untuk sesuap nasi. Berjuang untuk pelajaran anak-anak dan untuk pakaian isteri. Ya, mereka berjuang semata-mata untuk isteri dan anak-anak dan makanpakai saja. Dan sekiranya mereka terkorban, isteri mereka akan menangis dan menjerit. Ibubapa mereka akan bersedih. Anak-anak akan menangis minta nasi.

Orang-orang besar hanya akan menyatakan sedih dan orang-orang berpangkat akan beri ucapan takziah saja. Tabik hormat dan tembakan meriam akan dilepaskan ketika mayat mereka di masuk ke dalam liang lahad.

Sinar fajar menyinsing menerangi bumi. Pasukan Amir berjalan terus. Tiba-tiba kedengaran bunyi tembakan yang bertalutalu dari arah sebelah kiri. Amir dan rakan-rakannya jadi gugup. Masing-masing merebah diri mencari perlindungan. Berdiri bermakna membunuh diri. Muñcung senapang masing-masing sudah di tuju kearah bunyi tembakan itu. Masing-masing menahan nafas.

"Tembak!" teriak Amir yang selaku ketua dalam pasukan itu. Pasukannya melepaskan tembakan dengan tidak berhenti-henti. Mereka menembak dengan hati-hati,

takut peluru kehabisan tanpa mengena sasaran. Peluru terbang di kiri dan kanan. Ada yang jatuh terbenam masuk ke dalam tanah. Kulit-kulit kayu yang sebesar pemeluk koyak-rabak kena peluru. Daun-daun kayu yang hijau jatuh berderai ditembusi peluru. Dan bunyi di sekitar memekakkan telinga.

Selang beberapa lama mereka tembak menembak itu seorang daripada orang Amir kelihatan jatuh terlentang. Amir menghampirinya.

"Abu!!!"

Itu saja yang dapat diucapkan oleh Amir. Abu sudah jadi mayat.

Tembakan makin menjadi-jadi. Kini hati Amir membara. Abu sudah mati. Dan sudah banyak dari rakan-rakannya cedera. Manaf luka tangannya. Musa kena kaki dan pehanya. Hati Amir sedih bercampur marah.

Dia memerintah rakan-rakannya maju setapak demi setapak, menyusup-nyusup dan berjalan atas siku antara akar-akar dan daun-daun kayu kering.

Tembakan berjalan terus, peluru simpang-siur di kiri kanan.

Amir mencapai bom tangan yang tersangkut di kocek dada kirinya.

"Hassan!" serunya.

Hassan menghampirinya. Dia tercungap-cungap saja.

"Ada apa!!?" suara Hassan gugup. Nafasnya turun naik dengan kencang. Bajunya basah oleh peluh.

"Lindungi aku. Aku mau beri anjing-anjing itu benda ini!" suaranya marah, dan dia menunjuk bom tangan itu pada Hassan.

"Tapi itu bahaya, Mir!" Hassan cuba menahannya.

"Tak apa, itu aku tahu, tapi aku mahu tamatkan riwayat mereka kali ini. Kaulihat itu....." Amir menunjuk pada mayat Abu.

Hassan melihat ke arah yang ditunjuk oleh Amir, dan juga pada kawan-kawan mereka yang cedera.

"Baiklah, nanti aku lindungikau," Hassan memberi pengakuan.

Setelah Amir memberi perintah supaya menembak terus dia dan Hassan pun mara

ke hadapan. Dari jauh mereka sudah nampak kumpulan komunis itu. Banyak di antara mereka sudah bergelimpangan di atas tanah. Tapi mereka masih kuat.

Hati Amir kian membara. Di tangan kanannya tergenggam sebutir bom tangan. Digenggamnya erat-erat. Kemudian tangan kanan itu diangkatnya perlahan-lahan dan bom tangan itu dilemparnya dengan sekuat-kuat hati dan tenaganya. Kemudian dia dan Hassan merebahkan badan ke tanah. Sebentar kemudian mereka dengar satu letupan yang maha dahsyat.

Tembakan dari musuh tiba-tiba saja berhenti. Pasukan Amir pun mematikan tembakan mereka. Sebentar kemudian mereka maju ke hadapan. Tapi mereka berjalan dengan berhati-hati.

Tiba-tiba Amir menerkam pada seorang yang cedera di situ.

"Ah Tan!!?" jeritnya sambil memegang tangan manusia yang hampir kaku itu.

Pemuda yang cedera itu membuka matanya. Matanya kuyu. Dan dia mengerang kesakitan. Badannya sudah tiada bertenaga lagi.



"Kau Kau Kau..... Ah **Tan**???"

"Kau..... Kau..... Kau... Ah Tan???"
tanya Amir sambil mengusap-usap rambut
pemuda itu.

Kawan-kawan Amir yang lain semuanya
tercengang. Mereka hairan dan pandang
memandang antara satu sama lain.

"Kenapa kaujadi begini, Ah Tan? Aku
tak sangka yang kautelah jadi anggota
komunis, Ah Tan," kata Amir. Suaranya
saya berbau sedih. Airmata mulai men-
galir ke pipinya.

Rakan-rakannya hairan melihat dia
meratapi seorang musuh.

"Mir, maa... maaaaaffff saya... Mir..."
Suara Ah Tan terputus-putus.

"Tapi kenapa kaujadi begini."

"Kerana.....sa....saya cu...cuba nak
balas den...den...dendam..."

"Sudahlah, aku tahu maksudmu," potong
Amir.

Amir ingat bahawa dulu Ah Tan pernah
memberitahunya bahawa ayahnya mati di-
tembak oleh askar. Askar itu tersilap.
Bapanya telah dipaksa oleh segerombolan

komunis untuk mengikut mereka. Dia telah diseret ke dalam hutan. Waktu bapanya dipaksa mengikut kumpulan pengganas itu ke dalam hutan, mereka telah diserang hendap oleh pasukan keselamatan. Dan dalam serangan itu bapanya terbunuh.

Sejak hari itulah Ah Tan berazam untuk membalas dendam atas kematian ayahnya. Dia telah memberitahu Amir, tapi Amir tidak tahu dengan cara apa Ah Tan akan membalas dendam itu.

"Mir, saya minta maa....maaaaff pa.....padakau....."

"Aku sedia memaafkankau Ah Tan." Suara Amir sayu. Airmata kian berlinang.

Ah Tan nampak sudah lemah sangat. Nafasnya turun naik. Melihat itu Amir berkata, "Ah Tan kaumasih ingat bagaimana mengucap?"

"Aku mahu kaumengucap, Ah Tan," suara Amir sedih. "Dan....kau akan jadi Islam... Tan...." Amir senyum pahit.

Suasana sekitar hutan sunyi sepi. Seolah-olah hutan itu turut merasa sedih melihat peristiwa itu.

"Mengucap Ah Tan, mengucaplah....."
pujuk Amir lagi.

Ah Tan membuka mulutnya perlahan-lahan. Kemudian dari mulutnya keluar kalimat yang maha suci.

"Ash.....ha....dual.....la.....ilaha
.....illallahhhhhhhhh....."

Ah Tan tidak bergerak lagi.....

Amir sekali lagi tersenyum pahit. Senyum kerana Ah Tan, sahabat karibnya, yang pernah diakuinya abang kandungnya, sudah memeluk agama Islam, walaupun di saat yang paling akhir.

Mayat Ah Tan dibawanya pulang ke khemah di atas bahunya sendiri. Walaupun tangan kirinya luka parah dia masih dapat berbuat demikian. Hassan cuba menolongnya. Tapi dia menolak.

Esok malamnya di barak mereka Amir menceritakan tentang Ah Tan. Rakan-rakannya yang sama bertempur kelmarin ingin tahu mengapa dia bersedih atas kematian komunis itu.

"Dia adalah sahabat saya yang paling rapat. Kami berkawan semenjak di bangku

sekolah lagi. Oleh kerana ayah kami miskin kami tak dapat melanjutkan pelajaran. Ketika umur kami masih belasan tahun lagi kami telah bekerja dalam sebuah kapal, jadi kelasi," Amir memulakan ceritanya.

"Kerana persahabatan kami yang erat, dan saya yang tak punya abang kandung, saya telah mengaku dia abang kandung saya. Saya selalu memujuknya supaya masuk Islam. Tapi masa itu dia masih degil. Tapi walau bagaimanapun dia mahu belajar mengucap dua kalimah syahadat. Saya juga ada mengajarnya hukum-hukum Islam.

"Dia sudah lama meninggalkan daging babi. Dia sudah berkhatan di hospital. Cuma satu saja, dia belum mahu mengaku bahawa dia anak Islam. Saya sangat sayang padanya, seperti saya sayang pada abang kandung saya sekiranya saya ada abang kandung."

Amir mengeluh dan menghabiskan ceritanya sambil berkata, "Sekarang dia sudah tiada lagi. Ini bermakna saya kehilangan seorang abang."

Malam sudah larut, Tapi Amir belum lagi dapat tidur.

Mayat Ah Tan telah dikebumikan di tanah perkuburan orang-orang Islam.

Beberapa hari kemudian Amir membawa pasukannya meronda lagi. Kali ini mereka meronda di hutan yang lebih tebal. Malang tidak berbau. Mereka telah bertempur sekali lagi dengan pengganas-pengganas komunis. Amir dan dua orang rakannya gugur dalam pertempuran itu.

Mayat Amir diusung pulang di dalam keranda yang diselimut dengan bendera Malaysia. Ibunya menyambut mayat itu dengan airmata. Kemudian dia jatuh pingsan.

Di rumah Amir, Hassan telah memberi sekeping surat kepada Ramlah, adik Amir. Surat itu telah diberi Amir kepada Hassan sebelum mereka berlepas ke hutan. Dan di depan orang ramai itu Ramlah telah membaca kandungan surat itu.

Isinya berbunyi begini:

"Kepada ibu, adik, saudara-saudaraku, sahabat-handaiku dan juga rakan seperjuanganku.

"Terlebih dulu aku minta maaf atas segala dosaku padamu semua, terutama pada ibuku, dan juga adikku. Halalkanlah makan minumku.

"Ibu, sekiranya Amir pergi dan tidak kembali lagi, dan kiranya mayat Amir dapat

dijumpai, dapat dibawa balik, Amir minta ibu dan kawan-kawan tanamkan mayat Amir di sisi sahabat Amir, Ah Tan atau Musa bin Abdullah.

"Itulah saja. Saya harap ibu tunaikan permintaan saya ini, agar bahagialah Amir nanti dipeluk bumi."

Setelah selesai membaca wasiat itu, adik Amir lari ke dalam bilik. Ibunya baru sedar dari pengsannya.

Dan di bawah daun-daun hijau dan daun-daun kering yang berguguran, di bawah naungan pohon-pohon kayu rendang baringlah dua insan yang sama-sama gugur di medan perjuangan, kerana masing-masing mahu membalas dendam.

SINAR HARAPAN

Sekarang dia mahu meninggalkan dunia yang telah diciptanya. Dunia yang dicipta dengan terpaksa. Dunia yang diciptanya di atas kesengsaraan hidupnya. Dunia yang diciptanya di atas kepincangan hidupnya. Dan dunia yang diciptanya di atas desakan hidup yang mencengkam.

Sudah limabelas tahun dia hidup dalam dunia yang sempit itu. Selama itulah dia hidup dengan noda dan dosa. Dia hidup membuat dosa. Dan memanggil manusia lain untuk turut sama masuk neraka.

Jam enam petang. Awan di kaki langit di upuk Timur kelihatan merah seperti api neraka.

Sebentar lagi senja akan pergi dan malam merangkak datang. Angin bertiup sepoi-sepoi bahasa.

Dia duduk di atas kerusi di beranda sebuah rumah. Di wajahnya terbayang kesedihan dan ketakutan. Dia sedih, takut, dan ngeri.

Kenangan semasa dia masih remaja dulu kembali bermain di kepalanya. Limabelas tahun dulu dia seorang gadis desa yang baik. Berpendidikan setakat Tingkatan Tiga. Dia lulus dan mendapat kepujian. Malangnya keadaan tidak mengizinkan dia melanjutkan pelajarannya ke peringkat lebih tinggi. Ibunya menyuruh dia berhenti dari sekolah. Ayahnya menurut apa saja kata ibunya.

Anak perempuan tidak guna diberi pelajaran tinggi, fikir si ibu. Berpengetahuan setinggi langit sekalipun akan terperenjak di ceruk dapur juga. Berpelajaran tinggi puncak gunung Kinabalu pun akan berpesta dengan periukbelanga juga, dan akan bermain dengan lesung batu juga, kata ibunya.

Ayahnya telah jatuh sakit, dan tidak lama kemudian dia meninggalkan dunia dengan membawa kain putih yang membalut mayatnya dan iman yang di dalam dadanya.

Sebuah motorsikal meluncur di jalanraya. Bunyinya memecah suasana. Bunyi yang dikeluarkan oleh jentera itu memekakkan telinga. Maznah tersentak dari lamunannya. Dia menoleh cepat ke arah jalanraya itu.

Dia nampak pemandu motorsikal itu seorang pemuda berambut panjang.

Maznah masih suka duduk di situ. Malas rasanya dia hendak bergerak, meskipun hari kian gelap. Suasana sungguh damai. Angin masih bertiup sepoi-sepoi bahasa.

Maznah kembali melayankan perasaannya. Dia ingat lagi bagaimana dia mula datang ke kota dulu. Dia kenal keinginan manusia kota. Di situ dia kenal pada manusia kota. Dan dia tahu apa yang dikejar oleh manusia kota setiap masa.

Semenjak ayahnya meninggal dunia Maznah dan ibunya hidup menderita. Adik-adiknya yang empat orang itu masih bersekolah. Maznah tidak mahu adik-adiknya tersekat pelajaran seperti dia. Maznah sayang kepada adik-adiknya itu. Betapa tidak! Semua adik-adiknya itu lelaki. Dia tidak mahu pelajaran adik-adiknya tersekat di tengah jalan, seperti pelajaran yang ada pada dirinya kini. Dia mahu adik-adiknya belajar sampai ketinggian tinggi.

Maznah mulai mencari nasib di kota. Dia mahu mengadu nasibnya di sana. Dia mela-mar kerja di sebuah rumah orang kaya, dan dapat kerja sebagai pencuci kain.

Tuan rumah tempat dia bekerja itu baik orangnya. Isterinya berbudi bahasa. Mereka mempunyai lima orang anak, tiga perempuan yang sudah berkahwin dan kini mengikut suami masing-masing, dua lelaki yang tinggal dengan mereka. Seorang masih menuntut, dan Azmi yang sulung, sudah bekerja.

Pada suatu malam tuan rumah itu, Encik Rashid suami isterinya, pergi menonton wayang. Mereka mengajak Maznah untuk menonton sama tapi Maznah menolak. Dia rasa badannya tidak sedap. Kedua-dua anak-muda dalam rumah itu sudah lama keluar, entah ke mana.

Maznah bersendirian di dalam rumah besar itu. Lampu terang benderang. Dia duduk di bilik rehat sambil membalik-balik majallah yang berbagai-bagai jenis yang ada di atas meja itu.

Tiba-tiba pintu hadapan rumah itu diketuk orang dari luar. Maznah terus bingkas dari kerusi dan pergi membuka pintu itu.

Azmi tercegat di situ. Dia memandang ke dalam rumah, melihat ke ruang tengah, seolah-olah rumah itu bukan rumahnya.

"Ayah dan mak dah balik?" dia bertanya.

Matanya memandang ke muka Maznah. Jitu sekali. Maznah tidak senang dengan pandangan yang begitu rupa.

"Err, mereka belum balik, Encik," kata Maznah. Suaranya gugup.

Azmi membuka kasutnya kemudian terus masuk ke dalam.

"Buatkan aku airlimau, jangan manis sangat...." katanya. Sebuah senyuman di lemparkannya kepada Maznah. Maznah membalas senyuman itu dan terus pergi ke dapur. Belumpun sempat dia membuat airlimau yang dipinta Azmi, dia terdengar Azmi memanggilnya lagi.

Dia keluar tergesa-gesa, dan terus berjalan menuju bilik rehat. Azmi tiada di situ. Dia menuju ke bilik Azmi, kalau-kalau dia ada di situ. Dia berjalan dengan berhati-hati. Tapi baru saja dia menjengukkan kepalanya ke dalam bilik itu tiba-tiba dia telah ditarik dan dipeluk dengan eratnya dari belakang.

Dia meronta-ronta dan cuba membuka mulut untuk menjerit. Tapi tangan kasar Azmi segera menutup mulutnya.

Maznah diseret ke dalam. Pintu bilik segera ditutup. Maznah merayu minta

dilepaskan. Tapi Azmi tidak sedikitpun mengindahkan rayuan itu. Malah dia terus menolakkkan badan Maznah yang gempal dan montel itu ke atas katil. Maznah menangis. Dia takut melihat Azmi yang begitu ganas. Ganas sekali, mengikut hasutan iblis dan syaitan. Dan malam itu berlakulah satu sejarah kepada Maznah.

Maznah lari dari rumah itu, dan terus menuju ke satu jalan baru, jalan menuju ke neraka. Dia bergaul dengan wanita-wanita yang tersisih dari masyarakat.

Dia tinggal di sebuah lorong sempit yang lebih terkenal dengan nama 'lorong hitam' atau 'lorong belakang'. Maznah dan rakan-rakannya menjadi pelayan hawa-nafsu.

Kini usia Maznah sudah mencapai tigapuluh tahun. Mukanya sudah berkedut. Perhiasan yang ada di dadanya sudah tidak begitu segar lagi. Tapi dia belum mahu berhenti lagi.

Maznah sedar yang ibu tuanya di kampung tidak tahu apa yang dia sedang lakukan. Ibu tua ini tidak tahu wang yang dia terima dari Maznah tiap-tiap bulan itu adalah hasil dari harga tubuh anak gadisnya. Dia bangga yang anaknya yang disangkanya bekerja di kota itu dapat mengirinkan wang yang begitu banyak

kepadanya pada tiap-tiap bulan. Dan dalam sembahyangnya dia sering berdoa kepada Tuhan agar Maznah selalu selamat dan ditetapkan imannya.

Adik-adik Maznah yang empat itu terus belajar dengan amannya. Mereka tidak payah berlapar lagi. Mereka tidak lagi kekurangan buku atau yuran sekolah. Tapi Maznah masih lagi meneruskan pekerjaanya. Dia telah berazam untuk membuat sesuatu. Dia mahu membalas dendam kepada lelaki yang telah memperkosanya, dan juga lelaki-lelaki lain.

Banyak sudah lelaki yang diperdayakan oleh Maznah. Tapi dia belum puas. Dia mahu memperdayakan lebih banyak lagi lelaki. Dia mahu membawa lelaki ke jalan dosa, dan mengheret lebih banyak kaum lelaki sama-sama menuju ke pintu neraka. Jangan dia seorang saja dihumban ke dalam neraka. Biar ramai-ramai berpusu-pusu masuk neraka.

Pada suatu malam seorang lelaki yang berusia kira-kira tigapuluhlima tahun datang melawatnya. Lelaki itu datang ke bilik sempitnya. Dia rasa dia sungguh kenal dengan manusia itu. Lelaki itu ialah Azmi, manusia yang merampas kehormatannya dulu. Dan manusia inilah yang memaksa dan mendorong dia menuju ke jalan yang haram.

Tapi Azmi tidak kenal siapa sebenarnya perempuan yang dikunjungi itu.

Maznah gembira. Masa yang ditunggu-tunggunya kini sudah tiba. Dia sudah nekad. Biar sama-sama masuk neraka!

Azmi kelihatan terdampar tidur di sisi Maznah. Dengan perlahan Maznah bangun dari katilnya, dan terus pergi ke suatu sudut. Dia mengambil sesuatu dari dalam sebuah almari usang. Kemudian dia menghampiri Azmi yang masih tidur itu.

Malam semakin dingin. Di luar bunyi ketawa perempuan jalang semakin meninggi. Maznah tidak peduli itu semua. Dia tahu apa yang sedang berlaku. Dia sudah limabelas tahun bekerja begini.

Maznah menghampiri lagi. Azmi masih tidur dengan nyenyak sekali. Dia tidak sedar apa yang akan berlaku kepada dirinya. Maznah sudah nekad. Dia sudah bermata syaitan. Dia sudah berhati iblis. Dalam tangannya sudah ter genggam sebilah pisau belati. Dia mahu memandikan pisau itu dengan darah. Dia tidak peduli apa yang akan terjadi.

Wajah Azmi direnungnya. Dari segala penjuru terdengar suara syaitan menyuruh

dia menjunamkan pisau itu. Syaitan dan iblis itu menjerit kegirangan.

Pisau di tangan Maznah menjunam ke dada Azmi yang bidang itu. Satu jeritan ngeri dan pedih keluar dari mulut Azmi yang tidur dan tidak sempat bangun lagi itu. Darah merah tersembur keluar dari luka di dadanya. Cadar katil yang sudah usang itu bertukar dari putih menjadi merah.

Maznah dipenjara selama sepuluh tahun. Nasibnya sungguh baik. Dia masih diberi peluang untuk hidup. Tali gantung belum mahu menerima lehernya yang jenjang itu. Tapi bagi Maznah sepuluh tahun dalam penjara itu adalah seperti seribu tahun.

Sebuah motorsikal menuju ke rumahnya. Lampu motorsikal itu memanah tajam ke wajah Maznah yang berkedut itu. Maznah tersentak dari lamunan panjangnya. Dia sedar kini adiknya Hamri telah balik dari bersiar-siar. Hanya Hamri sajalah yang tinggal bersamanya. Adik-adiknya yang tiga orang itu semuanya sudah tinggal di kota. Mereka semua sudah menjawat jawatan tinggi. Ini adalah kerana titik peluh dan kesusahannya yang ditempuhnya ketika badannya masih muda remaja. Maznahlah yang memberi mereka pelajaran. Maznahlah yang memberi mereka kesenangan supaya dapat mengecap

kemewahan hidup. Lantaran itulah keempat-empat adik-adiknya ini tidak mendurhaka kepada dirinya.

"Kak, apa yang kakak menungkan?" Tibatibá Hamri bersuara ketika dia naik ke tangga rumah.

"Tak ada apa-apa, Ham, kakak cuma duduk mengambil angin saja," jawab Maznah.

Hamri terus masuk ke dalam. Maznah mendongak ke langit. Bulan mulai mengambang. Dan cahayanya yang indah itu meniti di atas daun pisang. Bintang-bintang bertaburan di langit yang bewarna biru nila. Angin betiup sepoi-sepoi.

Maznah teringat akan wangnya yang lebih dua ribu ringgit di dalam bank. Ini adalah hasil dari pemberian adik-adiknya yang empat orang itu. Adik-adiknya memberi dia wang pada tiap-tiap bulan. Dengan wang itu Maznah bercita-cita untuk menjejak kakinya ke Tanah Suci. Dia mahu bertaubat. Dia mahu mencium Kaabah yang berkain hitam itu. Dia mahu menangis di sisi Kaabah.

Dia mendongak ke langit lagi. Dalam hatinya dia berdoa semoga Tuhan mahu menerima taubatnya nanti. Dan dia berdoa semoga Tuhan akan memanjangkan umurnya supaya dia dapat melihat Tanah Suci nanti.



Pisau di tangan Maznah menjunam ke dada Azmi . . .

CITA-CITA DAN AIRMATA

Hidup ini memang kejam; dan manusia seharusnya melepaskan diri dari kekejaman itu. Begitulah falsafah Kamar. Oleh kerana itulah dia ingin melepaskan dirinya dari kekejaman itu; untuk melepaskan bebanan ayahnya yang sudah tua, dan juga bebanan ibunya yang sudah tua. Dia juga mahu melepaskan adik-adiknya yang ramai itu dari kesengsaraan hidup; adik-adiknya seramai enam orang itu. Dia mahu melapaskan mereka semua dari penderitaan hidup yang sedang mereka alami.

Kamar sedar betapa siksa ayahnya dalam menghidupkan dirinya dan juga adik-adiknya. Kamar tahu dirinya adalah anak sulung dalam keluarganya. Anak sulung kepada ayah dan ibunya yang kian tua itu.

Kamar sedar bahawa dialah harapan ke-

dua orangtuanya. Dialah yang akan menyuluh hidup keluarganya yang serba gelap itu. Dialah bintang yang akan memberi sinaran untuk masa depan keluarganya.

Esok mulalah cuti panjang universitinya. Kamar mahu balik ke kampung. Rindunya terhadap kampung halaman tidak terkira. Dia ingin melihat wajah ayahnya yang berkedut seribu itu. Dia rindu pada ibunya. Dan dia mahu melihat adik-adiknya yang enam orang itu. Adik-adiknya sudah pasti berwajah lesu.

Jam berdenting dua kali, tapi mata Kamar masih degil untuk dibawa tidur.

Di luar, hujan masih turun mencurahkan. Basahlah kotaraya yang baru hendak mati itu. Sekali sekala guruh menggegar bumi. Kilat sabung-menyabung. Kamar ngeri.

Fikirannya melayang meninjau ke kampung. Ketika hujan begini teratak tua ayahnya akan bergoyang ditiup angin. Angin tidak mengenal mana satu rumah yang patut diruntuhkan. Ribut tidak mengenal miskin atau kaya. Dan malangnya yang biasa jadi mangsa ialah manusia miskin saja.

Rumah usang itu akan basah di ruang dalamnya. Titis-titis hujan akan meluru

masuk ke dalam rumah melalui lubang-lubang atap zing yang sudah berkarat itu.

Ayahnya akan menggigil kesejukan. Adik-adiknya akan baring kesejukan, macam angka lima. Dan ibunya akan bangun ketika itu, menuju ke dapur untuk menyambut airhujan dengan tempayan.

Kamar tahu yang ibunya melarang keras adik-adiknya tidur ketika petir bermaharajalela. Takut dihambat ekor petir yang berapi itu. Kamar tersenyum bila mengingatkan pantang ibunya itu.

Guruh sekali lagi menggegar bumi. Kamar tersentak dari lamunannya. Dia memandang ke dinding. Barang-barang yang akan dibawanya balik ke kampung esok sudah siap. Aishah yang menolong dia mengemaskan pakaiannya pagi tadi.

"Sah dah siap barang sendiri?" Kamar bertanya sambil dia melihat jari jemari yang halus itu mengemaskan pakaiannya. Baju dan seluar itu disimpan Aishah ke dalam sebuah beg kulit.

"Belum, sengaja Sah datang ke mari nak kemaskan barang Kam!"

Suara itu begitu lunak. Manis dan merdu.

Kamar tahu itu suara asli. Bukan suara buatan untuk memaut rasa. Bukan.

"Besok kita akan berpisah buat sementara," kata Aisah lagi.

Nyata terdengar dalam suaranya terpendam nada kesalan. Mungkin dia tidak mahu berpisah dengan Kamar - kekasih dan buah hatinya.

Hujan semakin lebat membasahi bumi. Kamar menarik selimut tebal sampai ke pangkal lehernya. Kadang-kadang dia tidak senang dengan selimut yang begitu tebal. Dia tidak senang dengan selimut yang begitu panas.

Dia sedar di kampung tidak ada itu semua. Di kampung tidak ada tilam empok seperti tempat dia berbaring sekarang. Dia sedar di kampung tidak ada bantal yang bersarung kain yang putih bersih. Di kampung, ayahnya, ibu dan adik-adiknya hanya bisa tidur beralaskan tikar mengkuang usang. Bantal-bantal mereka penuh dengan airliur basi. Ibunya cuma berselimut kain yang sudah kaya dengan tampungan seribu.

Rasanya dia akan jadi orang asing kalau dia seorang saja yang memiliki kesenangan itu semua. Dan bila mengingatkan ini dia

akan menitikkan airmata. Menangis tanpa disedarinya.

Dia sadar ibunya tidak pernah merebahkan badannya yang seperti rangka itu di atas tilam empok. Adik-adiknya juga tidak pernah.

Oleh itu satu hari nanti dia mahu adik-adiknya semua tidur di atas tilam empok. Dia mahu ayahnya menikmati rasa enak tidur di bawah selimut panas. Dan dia juga mahu adik-adiknya punya peluang yang sama-merasai nikmat hidup mewah.

Tapi nampaknya itu akan tinggal angan-angan saja. Ayahnya tidak berdaya. Dia cuma seorang nelayan miskin. Hidupnya cuma memburu rezeki di laut. Dan hasil dari pemburuan itu tidak cukup untuk membeli beras. Hasil dari pendapatan itu sangat kecil. Tidak cukup untuk menghidupkan adik-adiknya dengan sempurna.

Sekarang sudah musim tengkujuh. Pasti ayahnya tidak dapat pergi ke laut. Tidak dapat pergi ke laut bermakna tidak ada ikan untuk dijual. Tidak ada ikan untuk dijual bererti tidak ada wang dalam saku. Dan ini bermakna periuk nasi mereka akan kosong dan kering beberapa hari.

Kamar masih ingat kata-kata ayahnya dua tahun dulu, ketika dia baru melangkah masuk ke Universiti.

"Kamar, hanya kaulah yang kuharap untuk mengubah nasib adik-adikmu di masa depan nanti. Adik-adikmu ramai, Kamar. Hanya kaulah yang akan jadi obor mereka di hari muka. Kami semua berharap padakau, Kamar. Ayah sudah tua....." Suara Pak Hamad, ayah Kamar, bernada seribu kesedihan. Tapi meskipun demikian dia masih bangga yang dia dapat melihat anaknya menjejak kaki ke Universiti. Dia sentiasa berdoa dalam sembahyang semoga anaknya itu akan berjaya. Itulah harapan Pak Hamad. Harapan seorang ayah.

Bekerja sebagai seorang nelayan bukanlah satu pekerjaan yang boleh dibanggakan. Hasil dari pendapatan seharian akan dibahagikan kepada rakan-rakan yang senasib dengannya. Dan taukeh mereka mendapat bahagian yang paling besar sekali. Hidup ayahnya dan rakan-rakan ayahnya adalah tertindas dalam ertikata yang sebenar-benarnya.

Subuh-subuh lagi orang tua itu dan rakan-rakannya akan menuju laut. Bila balik dari laut ikan-ikan yang berpikul-pikul itu akan diserahkan bulat-bulat kepada taukeh mereka.

Tanpa banyak bicara. Tanpa bantahan dalam bentuk apa sekalipun. Nelayan-nelayan yang lain pun bernasib seperti mereka. Tertindas. Tertindas oleh orang tengah. Dan mereka tertindas dalam negara yang merdeka.

Ayah dan rakan-rakan ayahnya tidak ubah seperti orang gaji saja. Perahu yang mereka layarkan itu bukan mereka yang punya. Jala lebar dan pukut tunda yang diguna untuk menangkap berpikul-pikul ikan itu bukan milik mereka. Injin sampan yang berpuluh-puluh kuda tenaganya itu bukan mereka yang punya. Yang dipunya oleh mereka ialah tenaga dan keringat mereka saja. Dan tulang mereka yang empat kerat itu.

Tapi tenaga ayahnya, tenaga yang telah menghidup dirinya dan juga adik-adiknya yang enam orang itu, sudah hampir tandus. Dan tulang-tulanginya sudah hampir rapuh; menunggu saat saja untuk bercerai dari kulitnya.

Kamar tahu nelayan seperti ayahnya sentiasa hidup menderita; merempuh laut yang sentiasa bergelora. Hidup kais pagi makan pagi. Yang kaya oleh kehidupan mereka itu ialah orang lain; orang tengah!

Cita-cita Kamar berbunga kembali. Kini dia sudah tamat tahun keempat. Tahun

hadapan cita-citanya akan menjadi buah. Dia mengambil jurusan perubatan. Dia bangga kerana dia adalah satu-satunya anak Melayu yang berjaya memasuki jurusan itu.

Dia masih ingat lagi empat tahun yang lalu. Ketika itu dia baru hendak menjejak kaki ke Universiti. Ayahnya gembira bukan kepalang; tiada kata yang dapat melukiskan kegembiraannya. Di wajahnya terbayang perasaan yang mengandungi rahsia; di bibirnya terlukis senyuman yang mengandungi seribu makna.

Untuk belanja Kamar ke Universiti ayahnya telah menjual tanah sebanyak tujuh ekar; bagi perbelanjaan permulaan sementara menanti bantuan dari Kerajaan. Sebelum Kamar bertolak ayahnya telah mengadakan kenduri yang sederhana besarnya; untuk mengucapkan selamat jalan kepada anaknya.

Guruh berdentum sekali lagi. Tapi kilat tidak sehebat tadi. Hujan juga sudah lama berhenti. Kamar melihat jam tangannya dengan bantuan cahaya sebuah lampu picit. Sudah jam tiga pagi.

Jam enam pagi Kamar bangun. Setelah mandi dan mengambil sarapan pagi dia bersedia untuk terbang balik ke kampung. Sebelum dia berlepas dia sempat bertemu

dengan Aishah. Wajah Aishah muram membendung rasa sedih. Mungkin dia tidak mahu berpisah dengan manusia yang dicintainya itu.

"Harapan Sah kita akanberjumpa segera."

Itu saja kata-kata yang dapat dikeluarkannya. Air jernih mula mengalir dari kedua kelopak matanya. Sesak di dadanya menahannya dari berbicara lebih lama.

"Andaikata aku tak dapat melanjutkan cita-citaku,aku harap kau akan menyambungkannya....." Tiba-tiba kata-kata itu mencetus keluar dari mulut Kamar. Dia tidak mengerti mengapa dia mengeluarkan kata-kata itu.

"Kenapa Kam kata begitu?" tanya Aishah dengan rupa terkejut.

"Tidak ada-apa.....cuma....." Kamar tidak melanjutkan kata-katanya.

"Cuma apa.....?" Aishah mendesak.

"Siapa tau, ajal di tangan Tuhan. Nasib di tangan Tuhan. Mungkin salah seorang daripada kita akan terbungkalai cita-citanya. Tapi yang seorang itu mesti melanjutkan cita-cita itu."

Jawapan itu selamba saja. Aishah mengangguk. Tapi dia tidak senang dengan jawapan yang dia terima.

"Selamat jalan," ujar Aishah sambil menghulurkan tangannya kepada Kamar. Kamar menyambut tangan lembut itu dengan penuh mesra. Dan satu pasangan tangan beramas-ramas buat seketika.

Di kampung ayahnya sudah menunggu kedatangan Kamar. Adik-adiknya juga menunggu. Mereka semua tahu yang Kamar akan datang hari itu, kerana Kamar telah menulis surat kepada mereka.

Ayahnya riang. Dia terus meluru dan menerkam anaknya. Dan mereka bersalam-salaman. Pak Hamad memeluknya dengan erat, dan Kamar mengucup bahu ayahnya kiri kanan.

Ibunya keluar membawa satu senyuman yang jernih. Di wajahnya yang retak seribu itu terbayang rasa girang. Tiada kata-kata yang dapat menggambarkan kegembiraannya ketika itu.

Hari itu Kamar menikmati hidangan yang teristimewa sekali. Ayahnya telah menyembelih ayam jantan kesayangan adiknya, Azman.

Kamar tahu yang makanan seperti itu tidak selalunya ada pada keluarganya. Daging ayam sajalah daging yang biasa mereka makan. Nama daging lembu atau kerbau tidak ada dalam kamus kaum nelayan seperti ayahnya.

Selama Kamar berada di kampung dia merasa sungguh riang. Rumah kawan-kawannya semua diziarahnya. Rumah saudara-maranya, Pak Long, Mak Long dan lain-lain semua dia lawatinya. Lama dia tidak berjumpa mereka, dan sekali sekala balik kampung perlu melawat kaum-keluarga, fikirnya.

"Tak payahlah kauikut kami ke laut, Kam. Kaududuk sajalah di rumah," kata ayahnya ketika Kamar menyatakan hasrat hatinya hendak menangkap ikan bersama.

"Kamar suka dan rindu nak pergi ke laut, yah. Kamar nak merasa bagaimana pedih dan sengsaranya menangkap ikan. Kamar tau yang ayah dan nelayan-nelayan yang lain semuanya menderita hidupnya," kata Kamar dengan degil. Dia mahu melihat laut. Dia rindu pada laut. Dia rindu pada laut yang menghidupkan dirinya. Dia rindu pada airlaut yang membiru itu. Dan dia mahu menyedut udara laut yang nyaman itu.

"Abang tak pandai berenang," kata Rudin, adiknya yang berusia empatbelas tahun.

Rudin sudah lama berhenti sekolah. Setakat Darjah Enam. Dia masih mahu melanjutkan pelajarannya tapi Pak Hamad tidak mampu memberi belanjanya.

"Abang tak pandai berenang, tak apa. Din boleh ajar abang berenang," Kamar menjawab.

"Baiklah Kamar, kalau begitu kauikutlah kami ke laut besok," kata Pak Hamad. Dia tidak dapat menahan kehendak anaknya itu.

Malam itu hujan turun mencurah-curah. Angin dari Laut China bertiup dengan gagah sekali. Menjelang siang barulah hujan itu reda. Ayahnya serta rakan-rakannya tidak dapat turun ke laut. Mereka tidak sanggup merempuh laut yang bergelora itu. Mereka tidak sanggup mengadai nyawa mereka yang hanya satu itu. Tidak, mereka tidak sanggup.

Hampalah harapan Kamar untuk pergi ke laut. Tapi dia tidak putus asa. Esok pasti tiba. Esok dia boleh pergi. Dia berharap semoga tiada hujan di hari esok, semoga tiada angin.

Pukul sepuluh pagi baru hujan berhenti.

Kamar ingin pergi ke pekan yang tidak jauh dari rumahnya. Dia hendak mengirim surat kepada Aishah. Sudah lama dia tidak mendengar berita dari gadis yang manis itu. Hatinya merindu.

Dia menuju ke pekan dengan basikal usang ayahnya. Di pekan dia membeli sedikit keperluan yang akan digunakannya di kampus nanti. Dan setelah mengirim surat itu dia mengayuh basikalnya menuju ke rumahnya.

Malang tidak berbau. Malang tidak datang pada waktu yang tertentu. Malang tidak pilih kaya atau miskin, hina atau mulia.

Sedang dia asyik mengayuhkan basikal usang itu tiba-tiba sebuah lori meluru dengan lajunya dari belakangnya. Lori itu bermaksud hendak memotong Kamar, tapi sebuah kereta lain datang dari hadapan. Lori terpaksa menyelimpang ke tepi, dan melanggar Kamar yang ada di situ. Kamar terpelanting dari basikalnya. Dia terhumban ke kiri sementara basikalnya terhumban jauh ke hadapan.

Kepala Kamar terhempas ke atas jalan aspal yang keras itu. Dan darah mengalir dari luka di kepalanya itu. Tapi Kamar tidak tahu apa yang telah terjadi kepada dirinya. Di rumahsakit baru dia sedar.

Ayah dan ibunya serta adik-adiknya sudah berada di sisinya. Ibunya menangis. Ayahnya tidak mengeluarkan airmata, tapi di wajah tuanya itu terbayang perasaan yang sukar untuk dilukiskan dengan kata-kata.

Adik-adiknya yang enam orang itu semuanya berwajah muram. Mereka sedih bercampur pilu.

Kamar mencoba hendak bercakap.

"Ayah.....Kamar.....Kamar....."

Kata-kata itu tidak dapat di teruskannya. Dia merasa begitu sakit di kepalanya.

Ayah dan ibu Kamar tidak berkata apa-apa. Kata-kata tidak perlu lagi ketika itu. Hanya perasaan sajalah yang menelan segala penderitaan!

Keadaan Kamar kini sungguh menyedihkan. Ayahnya menangis tanpa airmata. Ibunya tersedu-sedan.

"Ayah," Kamar cuba bersuara lagi. "Nampaknya tiada harapan Kam untuk hidup, ayah....."

"Jangan kata begitu Kam..... Kauakan sembuh....percayalah...." Ibunya berkata dalam sedu-sedannya.

"Tidak bu...ayah....Kamar rasa Kamar tidak akan hidup. Sakitnya kepala Kamar tidak terkira. Aduh....."

Ibunya semakin kuat menangis. Ayahnya cuba menahan sedihnya tapi dengan tidak disedarinya airmatanya menitis jatuh.

Suasana di rumahsakit itu sunyi sepi. Dinding membisu menyaksikan terajidi hidup yang menyayatkan hati itu. Di luar angin tidak bertiup lagi. Burung-burung tiada lagi berkicau-kicauan.

"Ibu.....ayah.....sekiranya Kamar sudah tiada.....Kamar harap ayah berusaha melanjutkan pelajaran adik-adik semua. Kamar mau adik-adik jadi pandai. Kamar mau mereka jadi macam Kamar juga....."

Kamar mengalihkan pandangannya kepada adik-adiknya yang berenam itu. Dia melihat pada Minah, Azman, Rudin, Sinah, Jedil dan Dollah. Wajah adik-adiknya ini semua muram. Mereka mengerti akan apa yang mereka sedang hadapi kini. Enam pasang mata itu semua mengeluarkan air jernih.

"Sinah, Jedil dan Dollah.....abang harap kamu akan terus belajar," katanya dengan terputus-putus. "Abang bercita-cita hendak jadi doktor tapi....."

Ibunya tidak tertahan lagi mendengar kata-kata itu. Dia terus meraung menangis. Adik-adiknya semua tunduk melihat lantai.

Kamar cuba bercakap lagi, tapi dadanya semakin sebak. Matanya semakin layu.

Suasana sunyi seketika. Sepi. Masing-masing membisu.

Tiba-tiba suasana yang hening-bening itu jadi bergemuruh. Bunyi jeritan sayu seorang ibu kedengaran bila anak sulung harapan mereka menghembus nafas yang terakhir. Dan suara adik-adik serentak menjerit memanggil nama Kamar, abang mereka yang tercinta!

Kamar sudah kaku. Tidak bernafas!

Dan sayup-sayup dua tiga kali kedengaran seorang lelaki tua yang hidupnya selalu menderita mengucap kalimah dengan nada putus asa:

"Innallilla hi Wainna Illaihi Rajiunnn..."

ANAK YANG BARU LAHIR

Dalam hatinya dia bersyukur kepada Tuhan. Tangannya membalik-balik ijazah yang baru diterimanya dua hari yang lalu. Hatinya bangga. Di bibirnya yang berkumis lebat itu terukir sebuah senyuman.

Dia teringat kepada isterinya di kampung. Norainilah yang banyak sekali mendorong dia hingga sampai menjejak kaki ke Universitas. Dan cinta serta kasihsayangnya pada Noraini semakin bertambah.

"Bang, kalau dah nak belajar tu teruskan sampai ke U." Suara Noraini manja. Lunak dan manis.

"Kalau abang tak mau masuk U bagaimana?" Amri menduga hati Noraini.

"Kalau abang tak mau masuk U, Nor tak

mau kahwinlah!" Noraini berseluruh sambil menjeling ke arah Amri, kekasihnya.

Amri ketawa kecil sambil mencubit pipi Noraini yang muntuk itu. Noraini menjerit kecil; penuh manja.

Bunyi motorsikal mengaum mengejutkan Amri dari lamunannya. Dia segera berpaling ke arah datanganya bunyi jentera itu.

Penghantar taligram itu memberikannya secebis kertas. Amri menyambut dengan tangan gementar. Dadanya berdebar. Tidak ada kata terimakasih diucapkannya kepada penghantar taligram itu.

Orang pos itu mengerti. Dia tidak mengemis terimakasih ketika itu.

Taligram itu dibukanya. Mukanya pucat.

"Ramli, aku nak balik kampung!"jeritnya.

"Kenapa?" tanya Ramli, cemas. Kenapa tiba-tiba kawannya ini hendak balik ke kampung?

Amri tidak menjawab. Tergesa-gesa dia masuk ke kamarnya. Baju dan seluarnya disambarnya dari tepi dinding. Dikenakannya satu persatu. Cepat sekali.

Kemudian dia mengambil beberapa helai lagi. Pakaian ini dia masukkan ke dalam beg kertas.

Sambil itu sempat juga dia mencuri pandang pada potret seorang gadis di atas meja. Gadis ayu itu tersenyum. Bibirnya menggiurkan. Bibir manis inilah yang membuat Amri terpaut kepada gadis itu. Kini dia sudah menjadi isterinya.

Dadanya tiba-tiba berdebar. Sempatkah Noraini berjumpa dengan dirinya? Dapatkah dia menatap wajah Noraini? Sempatkah Noraini memberi dia senyuman yang terakhir? Soalan ini berligar-ligar dalam kepala Amri.

"Taligram apa tu, Am?" Ramli bertanya. Dia tercegat di muka pintu. Dia tidak senang melihat temannya tergesa-gesa, seperti cacing kepanasan, hendak balik ke kampung.

Amri belum menjawab. Ada benda yang sedang dicarinya dalam almari. Melihat itu Rambli semakin tidak senang.

"Taligram apa yang baru sampai tu, Am?" Ramli mencungkil lagi. Dia ingin tahu keadaan yang sebenarnya.

"Bacalah sendiri," Amri bersuara.

Suaranya agak kasar, tapi bukan kerana marah.

"Di mana?"

"Atas meja."

Ramli mencapai taligram itu, dan terus membacanya. Sekarang barulah dia tahu. Patutlah Amri seperti orang gila. Ramli cuma dapat bersimpati dan berdoa.

"Jadi kaunak balik ke kampung juga hari ini?"

Ramli merasa kasihan juga kepada kawannya itu. Mana hati yang tidak akan runsing. Amri baru saja lapanbelas bulan menempuh alam berumahtangga. Kini orang yang dikasihinya sedang bertempur melawan maut.

"Ya, Ram, aku mau balik hari ini juga. Aku mesti cepat sampai ke kampung."

Amri mencapai beg kertas berisi kain-bajunya. Dia memasang kasut di kepala tangga dengan tergopoh-gapah. Lantaran itu dia masukkan kasut sebelah kiri ke kaki kanan. Dan kasut sebelah kanan ke kaki kiri!

Ramli rasa hendak ketawa melihatnya. Tapi dia takut Amri naik marah.

"Celaka!" rungut Amri. "Orang nak cepat, kasut ini pula yang melambat!"

Kedua-dua kasut itu diragutnya. Kemudian dipasangnya semula.

"Selamat tinggal Ram."

Amri berjalan sambil melambai tangannya kepada Ramli.

"Selamat jalan Am. Kalau jumpa dengan Normah sampaikan salamku padanya," kata Ramli berpesan dengan suara lantang. Amri mengangguk dan berjalan terus.

Taksi yang membawa Amri meluncur dengan derasnya. Jarum meternya menunjuk ke angka tujuh puluh. Tapi Amri tidak peduli. Dia mahu cepat sampai. Kalau dapat biarlah taksi itu berlari seratus batu sejam!

"Cepat sikit saudara!" Amri menggesa pemandu Melayu itu.

Tanpa menoleh ke belakang pemandu itu menekan minyak. Meter bermain ke angka lapan puluh dan lapan puluh lima.

Amri memandang ke luar. Hutan sebelah menyebelah ditinggal deras sekali ke belakang. Tapi pemandangan yang indah itu tidak dapat memberi hiburan kepada Amri yang sedang mabuk kecemasan itu.

Teksi itu meluncur terus. Persis kapal-terbang.

Amri tidak peduli kepada kemungkinan yang akan berlaku. Ingatannya sudah menjangkau kampung. Dia gelisah menanti teksi itu sampai ke tempat yang ditujunya. Gelisah dan rindu bercampur-aduk.

Wajah Noraini bermain di matanya. Sukar dia membayangkan bagaimana wajah itu sekarang. Sudah pasti Noraini sakit. Wajahnya akan menanggung penderitaan yang berat. Dan wajah anak yang baru lahir itu juga terbayang pada Amri. Entah macam mana wajah anak itu nanti. Mungkin seperti wajah ibunya. Seperti wajah Noraini. Noraini memang cantik. Senyumannya manis. Dan dia berkulit hitam manis, dan hidung yang boleh dikatakan mancung.

Dulu bila Amri lepas Tingkatan Enam dia tidak mahu melanjutkan pelajarannya ke tingkatan yang lebih tinggi. Dia mula bekerja di sebuah syarikat. Ketika itu dia baru bertunang dengan Noraini. Setelah dua tahun

dia bekerja di situ barulah dia masuk ke Universiti untuk melanjutkan pelajarannya.

Pada mulanya dia agak malas untuk melanjutkan pelajarannya. Tapi oleh kerana galakan dan dorongan dari kekasihnya, Noraini, barulah dia berazam mahu belajar terus.

Selepas dua tahun dalam Universiti dia balik ke kampung. Tunangannya dengan Noraini digantikan dengan perkahwinan. Kemudian dia kembali lagi untuk menjalani tahun ketiga di Universiti itu.

Tiba di kampung Amri terus turun dari teksi yang ditumpanginya itu. Suasana di kampung itu lenggang, selenggang-lenggangnya.

Hati Amri cemas benar. Takut dan gelisah berbaur sama. Fikirannya melayang dan mengusapi wajah manis isterinya kini, Noraini yang tercinta.

Hujan panas tiba-tiba turun renyai-renyai. Dedaun kayu dan nyiur nampak berkilat dipanah cahaya matahari yang sedang melambai mesra.

Amri berlari-lari anak. Dia mahu cepat sampai.

Tiada seorang manusia pun yang menyambut kepeluangannya ketika itu. Pintu rumah di kampung itu kebanyakannya tertutup rapat. Hanya jendela-jendela yang terbuka luas.

Dua ekor anak ayam berlari-lari membuntuti ibu mereka. Sang ibu kemudian mengais sesuatu di bawah pohon kelapa yang sudah mati pucuknya dipanah petir.

Sesampainya di rumah dilihatnya ramai orang berkunjung di sana. Semua biji-biji mata menikam kepadanya. Terasa pada Amri pandangan mereka itu mempunyai makna yang satu. Dia cemas. Dan cepat-cepat dia melangkah naik.

"Amri, kau baru sampai?" tegur ayahnya yang kebetulan baru saja keluar dari sebuah kamar. Dia sedar soalan itu tidak perlu dikeluarkan. Wajah ayahnya berkerut seribu.

"Ya, Yah, Am baru sampai. Mana Ani?" tanya Amri dengan gugup.

"Ani ada dalam kamar tu, dia sedang sakit. Baru kelmarin dia melahirkan anak." Suara ayahnya separuh gembira, tapi lebih banyak berbau duka.

Amri tidak membuang masa lagi. Dia

meluru masuk ke kamar di mana Noraini terlantar sakit. Ayahnya mengikutnya dari belakang.

Dalam kamar itu jiran-jiran sudah sesak berkumpul. Inilah kebaikan di kampung. Jiran-jiran tidak akan membiar si sakit itu menderita seorang saja. Mereka pasti menziarahinya. Bukan seperti di bandar. Di bandar manusia semua pakai "Gua-gua, lu-lu"!

Bila Amri memasuki kamar itu semua mata memandangnya. Mungkin dalam hati jiran-jiran itu bersyukur yang Amri cepat sampai.

Amri nampak ibutuanya duduk bersimpuh di depan Noraini. Di wajah ibunya itu terbayang rasa putus asa. Ibunya memandangi ke arah Amri. Amri melihat ke wajah ibunya. Terasa pada Amri bahawa ibunya begitu tenang. Tapi nyata juga kedua mata itu menitis air jernih.

Amri menghampiri ibunya.

"Kenapa tak bawa ke rumahsakit bu?" Amri bertanya. Suara itu tenang, tapi penuh rasa kesal.

"Ani yang tak mau. Dia tak mau ke rumah

sakit selagi belum berjumpa dengankau." Ibunya menjelaskan kedudukan yang sebenarnya. Dia tidak mahu Amri menganggap salah kepada dirinya. Perlahan-lahan dia mengesatkan airmatanya.

Mendengar perbualan antara ibu dan Amri itu Noraini membukakan matanya. Perlahan sekali, dan dengan keadaan yang lemah. Amri kebingungan. Wajah Noraini pucat.

Noraini cuba senyum pada Amri. Tapi gagal. Bibirnya yang kering itu tidak dapat melukiskan sebuah senyum seperti dia masih segar-bugar dulu.

Amri mengalihkan pandangannya kepada bayi yang baru lahir itu. Bayi itu sedang tidur dengan nyenyaknya. Tidak ada kesusahan yang terlukis di wajahnya. Wajah bayi yang baru lahir itu sungguh suci. Sesuci wajah nabi.

"Bang," Noraini bersuara. Di dalam suara itu tidak ada keindahan lagi. Tidak ada irama yang mendendangkan lagu harapan dalam suara itu.

"Ani, jangan bercakap banyak, Ani. Abang ada di sini."

"Bila abang sampai?"

"Baru sampai, Ani" kata Amri lagi.
"Abang terima taligram dari ayah."

"Bang, Ani sakit bang.....rasanya Ani tak dapat lagi hidup bersama abang." Noraini mula menangis. Mungkin menangis menahan sakit yang menyiksa dirinya, ataupun sedih kerana dia tahu yang dia tiada harapan lagi untuk hidup.

Suara Noraini yang keciwa itu memenuhi ruang yang sempit itu. Jiran-jiran yang ada di situ merasa tidak senang. Dada mereka juga terasa sebak.

"Ani, bagaimana kalau abang hantar Ani ke rumahsakit?" Amri bersuara, penuh harapan.

"Tak payahlah bang. Ani rasa Ani tak dapat hidup lebih lama lagi."

"Jangan kata begitu Ani," pujuk Amri.

"Bang, ada sesuatu yang nak Ani beritahu abang....."

"Apa dia Ani? Katakanlah. Ani nak makan apa-apa? Nanti abang beli cepat," kata Amri dengan rupa tidak sabar.

"Ani tak mau apa-apa bang. Cuma Ani nak tinggalkan wasiat pada abang. Aduh..." Tiba-tiba dia mengerang kesakitan, merintih-rintih.

Amri cemas.

"Jangan di bawa bercakap Ani....."

"Bang, Ani nak cakap dengan abang seorang saja." Noraini tidak menghiraukan larangan Amri tadi. Dengan mata yang kuyu dia melirik kepada ibu mertuanya dan orang-orang di situ.

Amri segera mengerti dan faham akan maksud Noraini. Dia minta maaf kepada orang ramai dalam bilik itu dan minta mereka keluar untuk seketika. Ibu Amri pun ikut keluar. Kini hanya tinggal Noraini dan Amri saja di dalam kamar itu.

Amri kembali merapati Noraini.

"Apa yang Ani nak katakan itu Ani?" Suara Amri mesra berbaur sedih.

"Bang, jangan terperanjat kalau Ani beritau abang sesuatu nanti."

"Katakanlah Ani, abang takkan terperanjat mendengarnya." Amri memberi pengakuan,



"Abang akan mengakui dia sebagai anak abang, Ani

meskipun dalam hatinya dia rasa tidak senang sekali.

"Bang!"

"Ya, Ani."

"Anak kita bang, anak kita yang baru lahir itu....." Noraini tiba-tiba menangis lagi.

Amri melihat cepat kepada anak mereka yang masih merah itu. Benaknya penuh tanda tanya.

"Kenapa dengan anak kita tu Ani? Apa kena.....apa yang.....?" Amri tidak tahu apa yang patut dia soalkan.

"Abang mesti janji....?" Noraini minta pengakuan.

"Janji apa Ani?" Amri semakin bingung.

"Abang mesti berjanji takkan pecahkan rahsia ini kepada sesiapaupun. Meskipun kepada ibu dan ayah Ani sendiri," sambung Noraini lagi.

"Baiklah, abang berjanji. Tapi kenapa dengan anak kita?" Amri ingin tahu.

"Nanti abang akan tau, tapi Ani mau abang berjanji abang akan memelihara anak yang baru lahir itu sebagai anak abang sendiri."

"Apa maksudmu Ani? Bukankah ini anak abang bersama Ani?" Amri bertambah tidak mengerti.

"Berjanjilah bang....." Suara Noraini seperti merayu. "Berjanjilah abang akan pelihara anak ini seperti anak abang sendiri."

Amri tidak faham akan maksud Noraini. Dia tidak tahu adakah kata-kata isterinya yang tercinta itu dapat diterima oleh otak yang waras. Adakah isterinya berkata sembarangan sebab maut sedang mencengkamnya? Adakah Noraini sudah tidak sedarkan diri? Tapi tidak mungkin. Noraini masih waras. Noraini tidak hilang akal. Noraini tidak gila.

"Baiklah, abang berjanji akan pelihara anak yang baru lahir ini seperti anak abang sendiri." Amri rasa dirinya jadi 'pak turut'.

Mendengar kata-kata itu lega sedikit rasa dada Noraini. Dia cuba tersenyum tapi gagal.

"Bang....." Suara Noraini semakin lama semakin kendur.

"Ani rasa Ani tak boleh hidup di samping abang lagi. Ani mesti pergi kerana Ani berdosa besar kepada diri abang."

Amri bungkam. Dia gelisah dan bingung. Dia tidak faham sedikitpun apa yang dikatakan oleh Noraini yang terlantar lesu di hadapannya itu. Apakah kata-kata yang diucap oleh Noraini kini keluar dari mulutnya sendiri ataupun keluar dari mulut syaitan.

"Ani, janganlah Ani ucapkan kata-kata yang bukan-bukan Ani. Abang sungguh sedih mendengarnya," kata Amri cuba memujuk.

"Bang, Ani berdosa pada abang." Noraini menangis. Tapi airmatanya tidak banyak.

"Bagaimana Ani?" Amri ingin tahu.

"Anak kita bang....."

"Ya, Ani kenapa dengan anak kita ini...?"
Belum faham lagi Amri.

"Bang, anak yang baru lahir itu bukan..."

Noraini tidak dapat meneruskan kata-kata itu. Dadanya terasa sebak. Kerongkongnya terasa disumbat.

"Kenapa Ani....kenapa dengan anak kita ini??" Amri tidak sabar lagi.

"Anak yang baru lahir ini bukan anak abang. Bukan anak abang...." kata Noraini dalam sedu-sedannya.

"Apppaaaaaaaaaaa?????" tanya Amri se-paruh menjerit.

Kata-kata yang keluar dari mulut Noraini itu tadi adalah seperti gunung Kinabalu yang jatuh terhempas di atas belakangnya. Dia merasa seolah-olah gunung berapi di tanah Jawa sedang meletup di ruang dadanya.

Tiba-tiba pandangannya berkunang-kunang; kuning, merah, kuning lagi kemudian terus gelap. Pandangannya bertukar menjadi kabur.

Amri nampak wajah Noraini bertukar menjadi pontianak. Serasa mahu dia mencik leher pontianak itu. Tangannya mula bergerak. Tapi pontianak itu bertukar lagi menjadi wajah Noraini yang kusut masai.

"Apa katakau Ani?" Suara Amri garang. "Anak ini bukan anakku? Apa kau sudah gila??" Amri bersuara kasar.

"Memang Ani sudah menduga yang abang

akan marah bila Ani terangkan perkara ini. Tapi abang mesti ingat akan janji kita tadi...." kata Noraini memperingatkannya kepada janjinya.

"Jadi ini anak siapa???" tanya Amri.

"Suhaimi, bang...." Lesu sungguh suara Noraini ketika melafaskan nama itu. Nama yang dibencinya. Suhaimi yang dianggapnya sebagai abang ipar yang setia, tempat berlindung dari apa saja ketika Amri jauh dari sisinya, adalah manusia yang punya darjat lebih rendah dari seekor anjing kurap yang setiap malam membongkartong-tong sampah di tepi jalan. Suhaimi telah meroboh dan menjatuhkan maruahnyanya dengan kasar. Suhaimi yang kini sudah jadi aruah itu telah mencemarkan nama baik adik iparnya sendiri.

"Suhaimi...??" terbeliak mata Amri ketika menyebut nama itu. "Maksudmu...

"Ya, bang.....Suhaimi abang kandung abang sendiri....."

Amri tiba-tiba merasa benci pada abang kandungnya itu. Mahu rasanya dia membunuh Suhaimi ketika itu juga. Tapi apa yang dapat dibuatnya? Suhaimi sudah tujuh bulan meninggalkan dunia yang tidak abadi ini. Dia

telah terkorban semasa meronda di hutan Sarawak.

"Bang, maafkanlah Ani, bang. Ani tak bersalah dalam perkara ini. Ani telah diperkosa dan dipaksa....."

Noraini pun menceritakan bagaimana perkara itu telah berlaku.

Dari surau kampung yang permai itu terdengar suasana azan membelah angkasa, memanggil manusai untuk menyembah yang Maha Kuasa. Suasana di kampung itu mula lenggang. Cahaya samar-samar telah pergi dan malam merangkak datang.

Noraini masih mandi di tebing sungai. Air sungai itu mengalir tenang. Udara nyaman.

Sehelai dua kain baru saja selesai dicuci oleh Noraini. Sambil mencuci dia menyanyi-nyanyi kecil. Dengan demikian dia tidak terasa nyamuk-nyamuk yang dahagakan darahnya itu.

Setelah mandi dan mencuci kain-kain itu dia pun bangun untuk bersalin kain.

Tiba-tiba terasa olehnya bahunya dipegang orang dari belakang. Tangan itu kasar. Noraini berpaling ke belakang.

"Jangan pegang aku! Siapa....."

"Aku.....abang Suhaimi....."

Noraini bertambah takut. Suhaimi melangkah ke hadapan. Noraini berundur ke belakang. Dia sudah tahu maksud kedatangan Suhaimi kini.

"Jangan, jangan kauhampiri diriku," kata Noraini ketakutan dalam gelap. Tapi Suhaimi tidak peduli. Secepat kilat Suhaimi merangkul tubuh Noraini yang gebu itu. Noraini lemas dalam pelukan lelaki yang durjana itu.

Noraini meronta-ronta. Tapi dia tidak dapat melepaskan diri kerana badan Suhaimi besar dan tegap daripadanya.

"Jangan bang Suhai.....anggaplah Ani sebagai adik abang sendiri," Noraini merayu dengan sedu-sedan.

Tapi Suhaimi bukannya manusia yang dapat dirayu. Baginya sekali maju dia tidak akan berundur. Sekali menyeluk pekasm biarlah sampai ke pangkal lengan.

Langit semakin gelap. Di tepi tebing sungai yang airnya mengalir tenang itu terciptalah satu sejarah baru. Hanya rumput dan tanah hitam yang menjadi saksi.

Setelah Suhaimi megecap madu itu dia memberi amaran kepada Noraini supaya jangan memberitahu sesiapa apa yang telah berlaku.

"Kalau kauberitau sesiapa kauakan kubunuh!" gertaknya. Kemudian dia meninggalkan tempat itu. Noraini tinggal menangis seorang diri.

"Apa ini benar Ani??" tanya Amri dengan rupa tidak percaya. Rasanya dia sedang bermimpi.

"Apa yang Ani katakan ini adalah benar bang. Ani telah berdosa. Ani tipu abang dan Ani tak mau menipu terus hingga Ani menutup mata, bang."

Dia sedih. Dalam suaranya berdendang lagu putus asa. Dia merasa sengsara. Dadanya serasa ditimpa oleh batu-batu yang berbukit-bukit. Payah rasanya dia hendak bernafas. Badannya tiba-tiba menggigil.

"Abang, maafkan Ani bang. Ani telah berdosa bang. Lantaran cinta agung Ani pada abanglah Ani tak beritahu abang rahsia ini. Ani malu bang. Ani sudah kotor!"

Noraini melepaskan kandungan dalam dadanya. Kemudian dia menangis.

"Sudahlah Ani, jangan dibawa bercakap lebih panjang lagi. Abang sudah mengerti keadaan yang sebenarnya. Abang akui Ani tak bersalah. Sekarang barulah abang sedar yang Suhaimi berperangai buruk. Tapi abang tak dapat berbuat apa-apa kerana dia sudah mati."

"Bang, sebelum Ani menutup mata....."

"Jangan kata begitu Ani....."

"Ani harap....abang akan terus pelihara anak Ani ini seperti.....anak abang sendiri....." kata Noraini dengan terputus-putus.

"Abang akan mengakui dia sebagai anak abang, Ani, bertenanglah...." Amri berkata lagi.

"Terimakasih bang...."

Noraini perlahan-lahan menghulurkan tangannya yang lemah itu kepada bayi yang masih kemerah-merahan itu. Dia merabara kepala anak yang sedang tidur itu. Tangan lemahnya meluncur ke bawah, memegang tangan bayi yang halus itu. Tangan itu diusap-usapnya. Mesra sekali. Melihat itu Amri mengeluarkan airmata.

Kemudian Noraini menghulurkan tangannya kepada Amri. Amri menyambutnya dengan penuh kasihmesra. Kemudian Noraini menggenggam tangan itu lebih kemas lagi. Tiba-tiba tangan yang sememangnya sudah sejuk itu terasa semakin sejuk. Sebentar kemudian tangan itu terkulai jatuh ke sisinya.

Noraini menutup matanya dalam keadaan tenang.

Amri meraung sekuat-kuat hatinya, sambil memeluk jasad Noraini yang sudah kaku itu.

Kemudian dia mendekati bayi yang baru lahir itu. Bayi itu diambalnya dengan kedua belah tangannya yang gementar. Bayi itu diciturnya puas-puas.

Dengan tidak disedarinya dia berbisik:

"Anak-ku, anakku....."

SURATAN TAKDIR

Keadaan kampung nelayan itu muram. Suasana sungguh membingungkan. Deru angin dan rintik-rintik gerimis sudah mulai menjalankan tugasnya. Musim hujan sudah tiba.

Azman duduk bersandar di dinding rumah usangnya. Dia duduk di beranda yang menghadala ke laut. Matanya merenung laut yang luas itu. Wajahnya kelihatan muram saja.

Angin laut semakin kencang. Atap daun nipah terlintuk-liuk mengikut rentak angin laut yang ganas itu.

Senja bertukar menjadi malam. Lama sudah dia duduk di situ. Fikirannya berligar-ligar. Ketika duduk beginilah dia selalu menimba ilham. Ketika mukanya menghadapi lautlah datangnya ilham untuk menciptakan sajak. Dan sajak-sajak inilah membantunya

menahan kelaparan anak-anaknya meskipun sekadar sehari dua.

"Pak, mak suruh makan!"

Satu suara halus mengganggu ketenteramanya.

Azman menoleh ke arah suara itu. Noraini tercegat di situ. Anaknya yang baru berumur enam tahun itu memandang kepadanya.

"Pak, mak panggil makan," ulang Noraini lagi. Dia cuba menghampiri bapanya.

Azman mencuba bangkit dari duduk. Sungguh susah rupanya dia hendak berbuat demikian.

Dia cuba berdiri, tapi terduduk kembali. Kemudian perlahan-lahan dia duduk atas lantai. Dia berinsut-insut dengan segala kekuatannya. Akhirnya sampailah dia ke hidangan makanan yang telah disajikan oleh isterinya, Minah.

Minah telah membawa makanannya itu ke ruang tengah. Dia sedar suaminya tidak dapat pergi ke dapur. Kedua-dua kakinya lumpuh. Kedua-dua kakinya sudah mati.

Azman menghadapi hidangannya malam

itu dengan tenang. Hidangan itu sederhana saja.

"Mereka sudah makan?" Azman bertanya akan anak-anaknya.

Isterinya yang duduk bersimpuh di hadapannya itu mengangkat mukanya.

"Sudah bang, awal-awal lagi mereka sudah makan," jawabnya.

Azman melihat isterinya. Perempuan inilah yang selalu merempuh derita bersama-samanya. Minahlah perempuan yang banyak merasai pahit-manung bersamanya.

Dia masih ingat ketika dia mula-mula bertemu dan berkenalan dengan Minah. Waktu itu dia bertugas sebagai polis hutan. Hidup dengan berbaju seragam hijau daun kayu itu sentiasa memburu dan diburu musuh dan peluru. Ketika itulah dia telah jatuh cinta dengan Minah. Dan tidak lama selepas darurat yang mencengkam kehidupan mereka itu mereka pun mendirikan rumah-tangga. Mereka telah disahkan sebagai suami isteri yang halal.

Selama hidup berbaju seragam hijau daun kayu dia tidak pernah merasa senang. Hidup sentiasa dicengkam gelisah, selalu dikejar maut.

"Ah, hidup begini memang susah," rungut Azman. "Baik berhenti saja."

Isterinya menurut saja. Tanpa banyak bicara. Dan dari hutan itu Azman cuba membina hidup baru.

Dia mengheret isterinya dan anak-anaknya ke pantai. Di situ mereka mengubah satu lagu berirama pahit. Mereka menjadi nelayan. Azman mencari rezeki di laut. Selagi dia mahu bernafas, selagi dia mahu makan, selagi itulah dia harus membanting tulang.

Azman sedar. Hidup berbudi kepada laut tidak pernah senang. Betapa tidak, perahu yang dia kayuh hari-hari ke laut itu hak-milik orang lain. Pukat dan jala yang dia tebarkan ke dalam air itu bukan dia yang punya. Dan jentera-air yang menjalankan perahu itu bukan dia yang punya. Apa yang ada pada dirinya ialah tenaga yang sudah lara.

Dia tidak tahan begini. Jiwanya yang halus itu selalu memberontak. Hidup di bawah cengkaman orang lain adalah satu perkara yang dibencinya. Benci sekali.

Dia mahu bebas. Bebas dalam hidup. Dia mahu mencari nafkah tanpa gangguan.

Tapi kini apa yang dapat dibuatnya? Hidupnya kian tersepit. Hari-hari menangkap ikan. Kemudian ikan yang banyak itu diserahkan bulat-bulat kepada tuannya perahu. Diserahkan dengan hati yang kurang senang. Dia cuma dapat bahagian yang paling kecil, sedangkan taukeh yang berperut gendut itu duduk goyang kaki.

Tuannya perahu tidak payah pergi ke laut. Taukeh yang kaya ini tidak pernah berjumpa angin dan ribut. Apa yang dia tahu ialah laba yang datang bergolek di kakinya.

"Bang, kenapa sikit benar makan malam ini?" Minah bersuara. Hairan sungguh dia. Sejak kebelakangan ini dia nampak suaminya tidak berselera makan. Hatinya bimbang, bingung bercampur aduk.

Sakitkah suamiku? Pertanyaan itu berligar memusing benaknya.

"Dah kenyang."

Azman cuba tersenyum. Kemudian dia berinsut-insut lagi dan kembali ke tempatnya duduk bersandar tadi.

Apabila belakangnya sudah tersandar ke dinding dia pun menarik nafas lega. Pandangannya dilemparkan jauh-jauh ke sebe-

rang sana. Laut nampak gelap. Malam tidak berbintang.

Di dapur terdengar bunyi isterinya membasuh pinggan bekas mereka makan tadi. Azman mengeluh. Minah masih setia kepadanya. Dia tahu Minah tersiksa batinnya.

Minah masih muda. Pernah suatu hari dia memberitahu Minah sesuatu. Dia ingin menduga hati Minah. Dia ingin tahu samada Minah masih sayang padanya.

Tapi Minah menyerangnya.

"Apa? Abang sudah gila! Tergamakkah Minah melihat abang yang lumpuh ini hidup seorang diri? Tergamakkah Minah meninggalkan abang yang lumpuh ini dengan anak-anak kita?" kata Minah sambil menangis.

Azman membujuk. Dia cuma ingin menduga. Dan hidup mereka sampai kini masih setia antara satu sama lain.

Kini Minah setiap hari mengambil upah menjahit, dan menganyam tikar. Tikar-tikar itu dijual untuk belanja. Minahlah yang bertungkus-lumus membuat dapur mereka berasap.

Azman mengalih pandangannya kepada anaknya, Khatijah. Khatijah sedang belajar dalam sekolah menengah. Dalam cahaya lampu minyak yang malap itu dia membaca buku-bukunya.

Khatijah mempunyai keazaman yang kukuh. Dia, ingin membela hidup keluarganya nanti. Dialah harapan Azman.

Azman berharap semoga anaknya itu lulus. Semoga Khatijah mencapai pelajaran yang tinggi. Biarpun dia hanya seorang perempuan. Pada Azman perempuan atau lelaki semuanya perlu ilmu pengetahuan dalam dunia yang serba moden ini.

Kini peperiksaan hampir tiba. Tiap-tiap malam Khatijah akhir tidur. Kadang-kadang sampai kukuk ayam pertama baru dia membaringkan badannya yang kurus itu. Kasihan juga Azman melihat anaknya ini.

Dia teringat ketika Khatijah meminta wang sebanyak duapuluh ringgit. Wang itu adalah untuk bayaran memasuki peperiksaan; peperiksaan untuk memasuki Tingkatan Empat.

Azman tidak tahu darimana dia hendak mencari wang yang begitu banyak. Wang yang disimpannya dalam tabung tidak men-

cukupi. Dia mengharapkan wang saguhati dari hasil sajak-sajak dan cerpennya yang diterbitkan. Tapi hadiah saguhati yang hanya beberapa ringgit itu belum juga tiba, meskipun karyanya sudah lama terpampang dalam suratkhobar.

Hari penutup untuk membayar wang itu hanya tinggal beberapa hari saja. Dia mengambil satu keputusan. Dia menulis surat rayuan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri. Dia minta bantuan untuk bayaran anaknya memasuki peperiksaan itu.

Beberapa hari kemudian bantuan dari jabatan itu tiba. Dia menerima wang sebanyak limapuluh ringgit.

Padangan Azman masih menuju hala ke laut. Dia cuba menembusi suasana yang gelap gulita itu. Tetapi matanya yang hanya sebelah itu tidak dapat berbuat demikian. Dia mengusap-usap mata kirinya. Sedih hatinya bila tangannya tersentuh pada mata kanannya. Sebelah matanya itu sudah buta. Seluruh isi putihnya sudah terselak keluar.

Pandangannya masih menuju ke laut. Dalam gelap itu kelihatan air jernih menitis dari bibir mata yang tidak cacat itu. Azman menangis.

Kenangan-kenangan lama datang menjelma satu demi satu; berligar-ligar bermain-main di kepalanya. Sejarah hidupnya berputar ligat di hadapan matanya. Peristiwa itu seolah-olah baru terjadi dua tiga hari yang lalu.

"Minah, abang rasa hidup jadi nelayan ini cukup susah," katanya pada isterinya.

"Kemana lagi kita nak lari bang?" isterinya bersuara. Bimbang.

"Kita tak boleh hidup begini, Minah. Hidup jadi nelayan tidak pernah senang. Abang mau ubah hidup cara baru," kata Azman berazam.

"Dengan cara apa kita mau ubah cara hidup bang?"

Minah ingin tahu. Dia tahu suaminya seorang penyair. Tapi dia ingat penyair, penyajak, tidak dapat hidup dengan bersajak dan bersyair saja. Dan tidak mungkin suaminya dapat menjadi penyair yang mahir.

"Kita cari hidup di kota!" tegas Azman.

Dia sudah nekad. Dan dari laut dia lari ke darat. Di situ dia jadi penarik beca. Malam siang, ke sana ke mari mengayuh beca beroda tiga.

Tetapi hidup sebagai penarik beca pun sia. Dia tidak dapat hidup dengan cara demikian. Rezekinya tidak terjamin. Penarik-penarik beca seperti dia bersepeh di sana sini.

Beberapa tahun dia hidup sebagai penarik beca. Awal pagi-pagi dia sudah turun mengejar penumpang. Kadang-kadang dia dapat banyak wang dan balik ke rumah berwajah riang. Tapi biasanya dia kurang bernasib baik; hanya dapat beberapa sen saja dari jerih payahnya, dari pagi hingga ke malam. Biasanya dia bekerja sampai jam sepuluh malam.

Lantaran kerja siang malam Azman jatuh sakit. Lama dia diserang penyakit itu. Mula-mulanya dia batuk-batuk. Badannya kurus dan lemah lesu. Tulang-tulang dadanya jelas kelihatan, dapat dihitng!

Akhirnya dia batuk darah. Dia terpaksa dirawat di rumahsakit. Dia diserang batuk kering.

Enam bulan dia berada dalam rumah sakit itu. Minah terpaksa bekerja keras. Dia membuat kuih untuk dihantar ke kedai kopi dan untuk dijaja dari rumah ke rumah.

Apabila keluar dari rumahsakit Azman

ingin mengubah hidupnya lagi. Dia mahu meninggalkan kota yang penuh debu kotor. Dan sekali lagi dia mengheret isterinya dan anak-anaknya itu ke tepi pantai.

Lamunan Azman tersentak apabila terdengar Khatijah batuk-batuk. Azman memandang ke arah anaknya. Dalam cahaya pelita yang berkelip-kelip itu dia nampak wajah anaknya.

Wajah Khatijah pucat. Lesu tidak bermaya. Tapi Azman tahu dalam badan gadis sunti ini mengalir satu rasa tanggungjawab.

Khatijah pernah menyatakan kepadanya kalau dia lulus peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran itu dia ingin belajar terus. Dia bercita-cita hendak menjejak kakinya ke Universiti.

Azman berinsut perlahan-lahan menuju ke tempat tidurnya. Tempat tidurnya juga di ruang tengah. Isterinya tidur bersama anak-anaknya.

Perlahan-lahan Azman meletakkan kepalanya ke atas bantal yang sudah hilang warna asalnya. Bantal itu begitu kaya dengan tumpukan airliur basi.

Azman coba memejamkan matanya. Dia ingin melupakan dunia untuk seketika. Tapi matanya begitu degil. Matanya yang cuma satu itu tidak mau pejam, meskipun Azman merasa letih.

Fikirannya mula berkecamuk. Kusut, seperti benang yang dimainkan oleh budak kecil.

Dia menghitung-hitung. Sudah enam tahun dia tidak berdaya. Sudah begitu lama!

Suasana malam begitu hening. Batuk Khatijah semakin menjadi-jadi membelah sunyi malam.

Azman memerhatikan anaknya belajar. Khatijah meniarap di lantai. Dia membaca dengan bantuan pelita yang samar-samar cahayanya. Dadanya dialasnya dengan bantal yang sudah usang.

Kokok ayam pertama mula membelah sunyi. Malam dingin sekali. Azman menarik selimut usangnya ke pangkal leher. Dia kedinginan.

Dia coba mengakat kepalanya untuk melihat anaknya yang masih belajar itu. Tiba-tiba perasaan kasihan datang menyelinap dalam dirinya. Entah mengapa hatinya begitu terhiris.



Azman memerhatikan anaknya belajar.

"Tijah, kau harus tidur sekarang. Hari dah jauh malam nak," Azman bersuara dari tempat pembaringannya.

Khatijah mengalih pandangannya kepada bapanya. Direnungnya Azman sejenak. Kemudian perhatiannya kembali kepada buku pelajarannya.

"Tijah, kaudengar kata bapa?" Suara Azman lembut. Mendatar.

"Kaupergi tidur dulu. Jangan berjaga hingga larut malam. Nanti kesihatanmu terganggu. Awal pagi kauboleh bangun dan belajar lagi," Azman membujuk.

"Bapa tidurlah dulu. Nanti sekejap Tijah akan tidur," Tijah bersuara. Dia tidak berpaling kepada bapanya.

Azman tidak berkata apa-apa lagi.

Jam di dinding berbunyi dua kali. Khatijah masih juga membaca. Azman tidak senang sekali melihat keadaan anaknya. Khawatir dia batuk anaknya akan menjadi. Susah nanti kalau anaknya ini jatuh sakit.

"Tijah, kaumesti tidur sekarang," kata Azman dengan suara yang lebih keras.

Khatijah melihat kepada bapanya sambil menggeliat beberapa kali. Dia menguap. Dan batuknya datang lagi menyiksa.

Khatijah kemudian meletakkan kepalanya ke atas bantal yang tadinya digunanya untuk mengalas dadanya. Sekejap saja dia sudah tertidur dengan keadaan yang sungguh letih.

Kini Khatijah terlantar di rumahsakit. Sakitnya semakin bertambah teruk. Batuknya menjadi-jadi. Sekali sekala dia batuk darah. Wajahnya kini pucat seperti kapas.

Meskipun begitu dia cuba juga mengambil peperiksaan yang besar itu. Kertas-kertas soalan terpaksa dibawa ke rumahsakit.

Penyakit Khatijah semakin tenat. Setiap kali dia batuk berketul-ketul darah keluar dari rengkungnya. Sudah beberapa hari dia tidak makan langsung.

Atas kehendak Azman Khatijah telah dibawa balik ke rumah. Dia tahu anaknya tidak ada harapan lagi untuk hidup. Dia mahu anaknya mati di hadapan matanya sendiri.

Jam lima petang itu Cikgu Zaini berlari-lari-anak menuju ke rumah Khatijah. Di bawah ketiakanya tersepit sekeping surat-khabar. Keputusan peperiksaan sudah diumumkan.

Pasti Khatijah akan gembira dan lekas sembuh bila dia tahu yang dia mendapat Pangkat Pertama. Fikiran ini bermain-main dalam benak Cikgu Zaini. Dan dia berjalan lebih cepat lagi menuju ke teratak usang itu.

Sesampainya ke teratak itu dia terus memanggil nama Khatijah. Tetapi alangkah terperanjatnya apabila dia mendengar ibu Khatijah menangis meraung seperti Jeha dalam *Ranjau Sepanjang Jalan*.

Cikgu Zaini nampak Azman tersandar di tepi dinding dekat Khatijah. Dia nampaknya tidak bermaya.

Cikgu Zaini menghampiri Khatijah, dan terus terpaku di situ.

Khatijah sudah kembali. Kembali ke alam baqa. Dia meninggal ketika kawannya yang sama-sama berjuang dengannya dulu bersorak gembira mendapat sijil.

Cikgu Zaini tidak dapat menahan air-matanya lagi.

KERANA DARJAT

Sudah dua kali Makcik Som mengunjunginya; sudah dua kali perempuan yang gila harta itu datang kepadanya.

Kali ini dia datang lagi untuk meminta tolong daripadanya. Kali ini dia datang untuk menuntut kasihan pada dirinya.

Hati Azhar masih membara. Penuh dendam. Ingin dia mengajar manusia yang gila harta itu. Ingin dia memberitahu perempuan tua itu yang dia bukan tempat untuk minta pertolongan. Sepatutnya dia minta tolong pada Hidir, pemuda yang kaya raya. Hidir, pemuda yang mewah hidupnya. Hidir yang perempuan tua itu angan-angankan untuk dijadikan menantunya. Bukan minta tolong pada dia yang miskin itu. Bukan minta tolong pada dia yang tidak punya apa-apa itu. Dia hina. Papa. Miskin. Dia 'Kucing Kurap'!

Tapi sertamerta perasaan dendam ini bertukar menjadi kasihan. Wajah Liza terbayang lagi. Liza yang pernah dia puja. Liza yang dia cintai sepenuh hati. Liza yang pernah didakap dan dirangkulnya dalam pelukan yang erat.

Malangnya perhubungan mereka terung-
kai. Kebahagiaan yang mereka harapkan
terkandas di tengah jalan. Inilah yang
menyebabkan Azhar merana, Liza berduka.
Dan ini adalah lantaran ibu Liza yang
gilakan harta. Pinangan Azhar ditolak
dengan penuh kata nista. Dia tidak setarap
dengan Liza.

"Azhar.....tolonglah Makcik! Liza
semakin tenat," rayu orang tua itu.

Azhar diam. Pandangannya ditujunya
ke luar. Di wajahnya terselit satu rupa
perasaan. Dan adanya bergelora.

"Tolong datang ke rumah Makcik, Azhar.
Tolonglah tengok diri Liza. Penyakitnya
semakin teruk, Azhar. Dia selalu menyebut-
nyebut namamu. Dia ingin benar nak
berjumpa dengankau."

Nyata suara itu menyembah belas kasihan
dari pemuda yang pernah dikejinya dulu.

"Makcik, untuk apa Makcik bersusah payah merayu pada saya? Padahal dulu Makcik menolak pinangan saya terhadap Liza. Makcik hinakan saya. Makcik kata saya ini kucing kurap dan sebagainya. Saya dikatakan manusia yang tak punya malu. Makcik lemparkan saya dengan kata-kata kesat. Dan Makcik sanggup putuskan kasih-sayang saya dan Liza!" Azhar mengeluarkan kata-kata pedas.

"Taukah Makcik betapa siksanya hati saya? Terasa putus tangkai jantung dan terasa terbakarnya jiwa ini ketika mendengar kata-kata kesat dari Makcik!" sambung Azhar lagi.

"Makcik menyesal Azhar, Makcik menyesal!"

"Tak guna Makcik menyesal. 'Kankah sesal kemudian tak berguna? Untuk apa Makcik minta saya datang ke rumah menjumpai Liza? Saya bukan layak untuk memijak kaki ke lantai rumah Makcik yang bersih itu! Saya hanya seekor kucing kurap!"

"Makcik, baliklah saja. Minta tolonglah pada Hidir, bakal menantu Makcik. Dia banyak wang, ada kereta dan harta yang banyak. Dia anak seorang hartawan. Pergilah Makcik minta tolong kepadanya."

Bukankah Makcik pernah berkata bahawa wang itu membawa kebahagiaan. Jadi kenapa kini Makcik ke rumah saya yang usang ini? Kenapa Makcik mau menjejakkan kaki Makcik yang bersih itu ke lantai rumah saya kotor ini?"

"Jadi kautak mahu datang ke rumah Makcik untuk menemui Liza, Azhar?" tanya orang tua itu seolah-olah tidak mengerti.

"Percayalah Azhar, Makcik sudah insaf. Makcik sedar yang harta benda itu tidak selalunya membawa kebahagiaan. Azhar, tolonglah Makcik! Kasihanilah Makcik!" rayunya sekali lagi.

"Pernahkah Makcik merasa kasihan terhadap diri saya? Pernahkah Makcik merasa kasihan terhadap Liza yang Makcik putuskan kasihsayangnya terhadap saya?" Azhar menyoal balik.

"Azhar, lupakanlah itu semua. Liza sentiasa menyebut namamu. Liza merayu supaya kaudatang segera menjumpai dirinya."

"Makcik, walaupun saya bertemu Liza, saya tidak dapat berbuat apa-apa. Saya hanya manusia yang terdampar di pinggir jalan."

Dengan perasaan hampa Makcik Som meninggalkan rumah Azhar. Nyata Azhar tidak mahu menemui Liza, anaknya yang kini sedang sakit lantaran cintanya kepada Azhar diputuskan. Makcik Som menyesal di atas perbuatannya itu.

Dua bulan dulu Azhar pernah melamar anak gadis yang dicintainya itu. Tapi oleh kerana Azhar anak miskin, pinangannya ditolak, disusuli dengan kata-kata nista.

Liza telah ditunangkan dengan pemuda pilihan ibunya, Hidir; pemuda kakak dan kaya.

Tapi setelah pertunangan itu dilangsungkan Liza telah jatuh sakit. Nama kekasih lamanya, Azhar, selalu disebut-sebutnya. Dan ibunya berharap dengan datangnya Azhar ke rumahnya, untuk menemui Liza, akan sembuhlah Liza dari penyakitnya itu.

Tapi Azhar ingin membalas dendam yang mendalam terhadap sikap ibu Liza itu. Dia tidak mahu sekali-kali bertemu dengan Liza meskipun dirayu oleh Mak Som.

Dua hari kemudian ayah Liza sendiri yang datang ke rumah Azhar. Dia juga merayu Azhar untuk menemui Liza. Liza kini di rumahsakit. Penyakitnya semakin tenat.

"Azhar meskipun kaubenci kepada ibu Liza dan mungkin juga pada Pakcik, namun Pakcik harap janganlah kauhampakan harapan Liza yang sedang menunggumu itu. Mungkin juga ini adalah pertemuanmu dengan Liza yang....." Haji Murad tidak dapat meneruskan kata-katanya.

Azhar tidak bersuara. Benaknya berkecamuk dengan persoalan. Dadanya bergelora dengan seribu perasaan,

"Azhar," ayah Liza bersuara lagi. "Penyakit Liza semakin teruk. Dan dia ingin sekali berjumpa dengankau, walaupun sekejap saja. Dia ingin bertemu dengankau, nak!" Suara lelaki tua itu bergetar nada sayu.

Azhar cuba berdegil. Tapi perasaan kasihnya terhadap Liza mengatasi segala-galanya. Dengan tergesa-gesa dia mengenakan pakaiannya.

Azhar pergi ke rumahsakit dengan kereta yang dipandu oleh Haji Murad sendiri.

Sesampai di rumah sakit, dilihatnya katil tempat Liza terbaring sudah dikelilingi oleh sanak-saudara. Mak Som berlutut di sisi katil itu. Di atas katil terbujur Liza. Tidak berdaya dan tidak bermaya. Matanya pejam.

Azhar menghampiri katil itu dengan perlahan. Wajah Liza ditatapinya. Wajah itu pucat seperti kapas. Liza membuka matanya. Memandang pada Azhar. Memandang dengan mata yang tidak bersinar lagi.

"Liza.....ini Az datang. Bagaimana dengan dirimu Liza.....?"

Liza tidak menjawab. Matanya merayau-rayau melihat ke atas. Kemudian dia memandang ke wajah Azhar.

"Az.....Az.....kaudatang juga sudahnya." Suara Liza lemah. Mendatar. Dia menghulurkan tangannya untuk menggenggam tangan Azhar. Azhar membalas genggamannya itu. Terasa tangan Liza sejuk.

"Az....Liza akan pergi Az....Liza akan pergi....."

"Jangan kata begitu Liza.....kauakan sembuh.....percayalah..... kauakan sembuh....." kata Azhar.

"Tidak Az, harapan Liza untuk hidup kini sudah tidak ada. Sinar harapan untuk hidup bagi Liza sudah malap dan hampir padam, Az."

"Liza, jangan kata begitu, Liza. Perca-



"Az, sebelum Liza pergi maafkan Liza."

yalah Liza akan sembuh dan kita akan hidup bersama dengan bahagia. Tenangkanlah hatimu, Liza...." Suara Azhar sayu.

"Az, sebelum Liza pergi...maafkan Liza, maafkanlah ibu Liza, Az."

"Az sudah memaafkan itu semua Liza..." Azhar bersuara.

"Terimakasih, Az, terimakasih...."

Liza menarik nafas panjang dan memejamkan matanya. Di bibirnya terlukis sebuah senyuman.

Sanak-saudara yang berkerumun di situ masing-masing meninggalkan tempat itu. Mereka tidak mahu mengganggu Liza yang nampaknya tidur itu. Yang tinggal hanya Azhar. Dia duduk di sisi kekasihnya.

Sekejap kemudian seorang doktor masuk ke bilik itu. Dibukanya kelopak mata Liza dan dipegangnya nadinya. Dia menggeleng-gelengkan kepalanya sambil menarik cadar putih itu dan menutup kepala Liza dengannya.

Azhar terperanjat. Liza sudah pergi rupanya!

TANGISAN PERPISAHAN

Hari sudah larut malam. Tapi Sahar masih menghadapi mesin taip usangnya. Di atas katil di sebelah kirinya kelihatan isterinya. Maria sedang lena tidur dibuai mimpi.

Hati Sahar sedih. Dia teringat bagaimana Maria berjuang dalam hidup untuk menghidupkan mereka berdua. Maria bekerja di sebuah pejabat sebagai seorang jurutaip. Marialah yang menyara dirinya.

Mata Sahar beralih dari Maria ke mesin taip yang dihadapinya. Dia cuba menyambungkan cerpen yang direkannya tadi. Tapi fikirannya masih menggangunya.

"Tidakkah Maria kesal nanti.....?"

"Kesal kerana apa?" tanya Maria.

"Berkahwin dengan manusia seperti aku.....!"

"Apa yang dikesalkan, abang pun manusia seperti manusia lain," balas Maria.

"Katakau, tapi aku takut; kata-kata boleh diubah, lidah tak bertulang, bersumpah, berjanji, bercakap memang senang," kata Sahar.

"Abang...." kata Maria, "Kenapa abang berkata begitu? Cinta Mar paling suci bang, terbit dari hati yang cuma satu ini, cinta Mar bukan dua, bukan tiga." Maria mahu Sahar mempercayai dirinya. Seratus peratus.

"Aku cuma seorang askar Mar. Sanggupkah Mar berdamping denganku? Mar berpelajaran tinggi."

"Bagi Mar, pangkat dan pelajaran tidak menghalangi cinta yang murni. Cinta yang suci itu lahir dari hati yang tulus dan saling hormat menghormati antara satu dengan lain."

Tujuh bulan kemudian mereka pun berkahwin. Hidup mereka sungguh bahagia. Mereka saling cinta menyintai. Dan perasaan cinta ini semakin mendalam. Sahar bangga dapat memiliki isteri yang secantik Maria.

Dan Maria bangga mempunyai seorang suami yang membela bangsa dan negara.

Pada suatu hari Sahar merasa kurang sehat. Kepalanya sakit-sakit. Dia minta izin dari ketuanya untuk pergi berjumpa doktor.

Sekembalinya dari kelinik itu dia nampaknya tidak tenteram. Senantiasa gelisah. Wajahnya dipeluk duka. Seringkali dia mengurut-ngurut dan memegang kedua belah kakinya.

Esoknya bila balik dari kerja pun demikian juga. Resah gelisah bercampur-aduk. Seringkali dia memegang kedua-dua belah kakinya. Lusa pun begitu juga perangnya. Dan begitulah juga beberapa hari berikutnya. Bila balik dari kerja dia hanya memegang kedua belah kakinya. Dia tidak banyak berbicara dengan isterinya. Perbuatan Sahar yang ganjil itu diperhatikan oleh Maria. Tapi dia tidak berkata apa-apa. Dia buat tidak tahu saja.

Beberapa hari berselang Sahar tidak bangun pagi seperti biasa. Maria sedar yang suaminya sudah lewat dan dia tergesa-gesa masuk ke bilik tidur. Dia dapati Sahar masih baring lagi. Tapi kedua belah matanya sudah terbuka.

"Abang tak kerjakah hari ini?" Maria bertanya sambil menghampiri katil suaminya. "Dah pukul tujuh ni bang," sambung Maria lagi.

Sahar tidak menjawab. Dia menoleh kepada Maria dengan sinaran mata yang sayu. Wajahnya muram.


"Kenapa bang?" tanyanya sambil menghampiri suaminya dan memegang tangannya. Hatinya cemas. Dia takut kalau-kalau ada perbuatannya yang menyinggung perasaan suaminya.

"Mar," tiba-tiba Sahar bersuara. "Abang sungguh sedih Mar, abang..."

Dia tidak dapat melanjutkan kata-katanya. Kedua-dua kelopak matanya berair. Dia tidak dapat lagi menahan air itu dari mengalir keluar. Rengkungnya terasa tersumbat. Panas saja rasa rengkungnya ketika itu.

"Kenapa bang?" Suara Maria cemas berbaur curiga.

"Abang cacat Mar, abang cacat; kedua belah kaki abang dah lumpuh Mar, dah lumpuh!" kata Sahar dengan sedih.



"Bang, dah larut **malam**, elok abang tidur. "

"Apa benar ni bang?" tanya Maria tidak percaya.

Dia tidak percaya yang suaminya yang segar dan sihat itu tiba-tiba jadi lumpuh di kedua belah kakinya.

"Abang tak dapat berjalan Mar, kedua belah kaki abang sudah mati!"

* * * * *

"Bang, dah larut malam, elok abang tidur, nanti abang dapat selsema pula." Satu suara memecah suasana alam yang sepi dan sunyi itu.

Sahar tersedar dari lamunannya. Dia mengalih pandangannya ke katil isterinya. Maria sudah duduk di katil. Kakinya yang halus licin terjantai ke bawah.

"Tidurlah Mar dulu, abang nak siapkan karangan abang ni dulu," jawab Sahar.

"Kalau abang tak mau tidur, Mar nak mogok!"

"Bagaimana?"

"Tak mau tidur, duduk begini saja sampai pagi."

"Baiklah, teruskar saja mogokmu itu," kata Sahar.

Bila berkata demikian dia tersenyum dan terus mencoba menyambungkan karangannya yang sudah lama terbengkalai oleh lamunannya yang panjang itu tadi. Tapi beberapa ketika kemudian dia berpaling ke arah katil Maria. Maria masih duduk di situ. Masih seperti tadi juga.

Sahar merasa kasihan. Dia rasa Maria sungguh setia kepadanya. Dia rasa cuma Marialah perempuan yang sanggup berdamping dengannya. Dia rasa hanya Marialah perempuan untuk dirinya hingga ke akhir hayatnya.

Perlahan-lahan Sahar mencapai tongkat yang tersandar di sisi mejanya. Kedua-dua batang tongkat itu ditaruhnya di bawah kedua belah katiaknya. Dengan bantuan tenanga dari tongkat itu dia menuju ke katil tempat Maria yang sedang duduk menanti ketibaanya.

Maria menolong suaminya naik ke atas katil. Dan setelah suaminya baring dia pun merebahkan badannya yang masih muda itu di sisi suaminya.

Suasana malam di luar rumah sungguh sunyi. Persis dalam kubur. Tiada bulan yang menyinari cahayanya untuk semesta alam.

"Bang, Mar lupa nak beritau abang." Tiba-tiba Maria memecah kesunyian malam.

"Apa dia?"

"Novel sulung abang yang abang hasilkan itu telah diiklankan dalam suratkhbar. Tak lama lagi terbitlah bang." Suara Maria senang.

Sahar tidak menjawab. Tapi dia senang mendengar berita yang memang ditunggu-tunggunya itu.

"Abang tak gembirakah?" Maria menyoal.

"Siapa kata aku tak gembira?" Sahar menyoal kembali.

Maria diam. Sahar pun diam. Masing-masing melayankan perasaan sendiri.

Pagi esoknya Maria pergi kerja seperti biasa. Sebelum meninggalkan rumah dia telah menyediakan sarapan pagi untuk suaminya. Dia tahu Sahar selalu lewat bangun. Sarapan pagi itu dia diletakkannya di atas meja tulis Sahar.

Apabila dia bangun pagi itu Sahar tidak dapat meneruskan cerpennya yang terbengkalai malam tadi. Fikirannya semakin berkecamuk. Dia mesti mengambil keputusan yang tegas, keputusan yang muktamad.

Puas dia mencuba hendak melupakan perkara itu. Tapi gagal. Sebagai seorang lelaki dia tidak boleh membiar hidup Maria keciwa dan selalu dalam kekosongan. Dia tidak mahu hidup Maria merana dan hampa. Maria seorang perempuan, dan mempunyai hak atas dirinya sendiri. Dan dia wajib menerima hak-hak itu semua.

Sahar sedar dirinya tidak dapat menunaikan kewajipannya sebagai seorang suami kepada Maria yang masih muda itu.

Sahar bimbang. Maria tidak pernah bersungguh akan perkara itu. Tapi sampai bilakah keadaan begitu akan berjalan? Mungkinkah Maria akan tahan dengan cara begitu buat selama-lamanya? Hidup bersuamikan seorang yang lumpuh. Lumpuh segala-galanya. Lumpuh tenaga lahir. Lumpuh tenaga batin.

Sudah dua tahun dia hidup bersama Maria. Dan selama setahun tujuh bulan dia mengalami hidup begini. Hidup dalam derita. Hidup penuh dengan rasa tidak senang dalam hati.

Dia sadar yang selama itu Maria telah menanggung penderitaan batin. Dia sendiri tidak tahan hidup begini.

Kadang-kadang dia menyesali hidup. Mati lebih baik. Tapi kenapa Tuhan masih sayang kepadanya? Kenapa Tuhan masih membiarkan dia hidup?

Bunyi loceng basikal terdengar di halaman rumahnya. Sahar mendonggak. Seorang posman masuk ke dalam rumah. Di tangannya ada sekeping surat berukuran panjang.

Begitulah, kalau ada surat, posman itu sendiri akan menghantarnya ke dalam rumah. Dia tahu Sahar tidak berdaya.

Sahar mengambil surat itu dengan mengucapkan terimakasih. Cepat dia mengoyak sampulnya. Surat itu datangnya dari penyunting suratkhbar yang telah menyiarkan cerpennya tempuh hari. Dia mengucapkan terimakasih dalam hati kepada penyunting yang bertimbang rasa itu.

Petang itu Maria lambat balik dari kerja. Akhir-akhir ini Maria kerap kali balik lambat. Alasannya dia banyak kerja di pejabat.

Lewat petang itu baru Maria balik. Dia

membawa sebungkus mee goreng. Dia tahu yang suaminya memang gemar makan mee goreng. Tapi petang itu sungguh ganjil. Petang itu Sahar tidak pun menyentuh bungkusan mee goreng yang dibawa oleh Maria tadi.

Wajah Sahar muram. Dia ingin memberitahu sesuatu kepada isterinya. Tapi dia sedar bukan kini masanya. Dia mesti menunggu ketika hari menjelang malam. Itulah peluang yang baik sekali.

Malam itu Maria awal-awal sudah menyiapkan makanan suaminya. Dia sendiri tidak makan. Sudah kenyang, katanya.

Waktu suaminya enak-enak menyuap nasi Maria menghampirinya. Dia ingin menyatakan sesuatu kepada suaminya.

"Bang, Mar nak pergi ke parti kawan malam ni. Boleh tak?" Maria bersuara.

Sahar tidak terperanjat mendengar kata-kata itu. Dia faham perubahan yang ada pada diri Maria kini.

Sahar menoleh kepada isterinya. Maria masih muda. Daging-daging di badannya masih pejal. Dan susuk badannya masih menarik dan liur-menggiurkan sesiapa yang melihatnya.

Tiba-tiba hatinya jadi sedih. Sedih, bukan cemburu. Dia tidak marah kalau Maria kahwin baru. Sesungguhnya itulah niat di hatinya. Dia rela melepaskan Maria kepada sesiapa saja, asalkan pemuda itu sanggup melindungi diri Maria.

"Bang, boleh tak Mar pergi ke parti kawan Mar tu....?" Maria menyoal lagi setelah melihat Sahar tidak berkata-kata.

"Parti siapa?"

Entah mengapa dia bertanya demikian. Tapi suaranya biasa saja. Mendatar.

"Kawan sepejabat, bang."

"Siapa namanya?" tanya Sahar lagi.

"Mar.....Marzuki, bang, kerani pejabat Mar."

Entah mengapa ketika menyebut nama Marzuki itu suara Maria berketar sedikit. Suaminya sedar akan ketaran suara isterinya itu.

"Bila Mar nak pergi?"

"Sekejap lagi. Boleh tak bang?"

"Aku lepaskan Mar, asalkan kaubahagia."

Maria menghampiri suaminya. Dikucupnya dahi suaminya yang luas itu. Mesra sekali. Sahar merasa suatu rasa tenaga mengalir sepanjang tubuhnya. Dia rasa hendak menangis, tapi perasaan itu dapat dilawannya. Dan marahnya terasa pedih.

Jam di dinding berdenting duabelas kali. Tapi Sahar masih mengabdikan dirinya kepada kepingan kertas dan tinta. Di luar rumah terdengar bunyi kereta berhenti, diikuti oleh bunyi orang bercakap-cakap. Tidak lama kemudian kedengaran bunyi pintu kereta itu ditutup, dan kereta itu berlalu dari situ.

Maria masuk melalui pintu yang tidak berkunci itu. Dilihatnya suaminya masih belum tidur. Dia masih tekun mengetuk huruf-huruf kasar di hadapannya.

Sahar memandang sepintas lalu kepada Maria yang baru datang itu. Kemudian dia meneruskan pekerjaannya.

"Abang belum tidur?" Maria menyoal.

"Belum, aku mesti membiasakan diriku begini."

"Apa maksud abang?"

"Abang mau berdikari. Abang tak boleh hidup dengan titik-peluh Mar saja," Sahar menerang.

"Abang!" kata Maria separuh menjerit. "Mar tak pernah bersunggut akan tanggungan Mar terhadap diri abang!"

"Maria, mengapakah kita berkahwin? Tidakah Mar menyesal bersuamikan abang yang cacat ini? Abang cacat Mar, abang tak dapat memberikankau kebahagiaan hidup..."

"Abang, jangan kata begitu, bang. Mar bahagia dengan abang. Meskipun abang cacat, Mar tak nampak kecacatan itu."

"Mar, janganlah Mar menipu diri sendiri. Abang tau Mar tak bahagia hidup di samping abang. Abang rela melepaskankau pergi Mar. Kaupergilah mencari ganti diri abang. Meskipun kita akan bercerai, cinta abang terhadap Mar adalah abadi."

Maria tidak tahan mendengar kata-kata itu dan dia terus menangis. Tangisannya sungguh-sungguh menggambarkan kepedihan jiwa dan perasaannya.

Dan bagi Sahar tangisan itu adalah tangisan perpisahan antara mereka berdua.

PENGORBANAN

Baru semalam Hanuwar bersama isterinya datang ke bandar Kuching, bandar yang indah itu. Bagi Hanuwar ini bukanlah pertama kalinya dia mengunjungi bandar ini. Tapi bagi Azizah, isterinya, inilah lawatan pertamanya ke ibu negeri Sarawak. Kedatangan mereka ialah untuk berbulan madu.

Malam itu mereka tidak keluar ke mana-mana; mereka duduk-duduk saja di hotel tempat mereka menumpang. Hanuwar mengambil kesempatan itu untuk menyemak skrip karangannya. Beberapa ketika kemudian dia meletakkan skrip itu di atas meja, sambil tangannya menjangkau kotak rokok yang terletak tidak jauh dari situ.

Tapi bila dia membuka kotak itu dia merasa hampa kerana tiada sebatang rokok pun didapatinya dalam kotak itu. Dia pun

bangun sambil merapati isterinya.

Hanuwar: Zah, abang nak keluar sebentar.

Azizah: Abang nak ke mana?

Hanuwar: Abang mau beli rokok.

Azizah: Jangan kuat sangat merokok, bang...tak baik.

Hanuwar: Kenapa?

Azizah: Orang yang kuat sangat merokok tu tak panjang umur!

Hanuwar: Dari mana Zah tau itu semua?

Azizah: Dari buku dan dengar radio.

Hanuwar: Tapi abang mesti merokok bila mau mengarang.

Azizah: Kalau abang tak merokok, abang tak boleh mengarang? Kenapa, mestikah orang merokok kalau dia mau jadi pengarang?

Hanuwar (Ketawa): Bukan itu maksud abang, Zah. Tapi kalau abang mengarang abang mesti merokok. Dengan menghisap rokok

abang dapat berfikir dan mata tak mengantuk.

Azizah: Baiklah, bang. Tapi jangan lambat balik, ya?

Sambil menjeling manja kepada isterinya Hanuwar pun keluar dari bilik itu. Dia membeli sekotak rokok dari sebuah warung kecil yang tidak jauh dari hotel itu. Dalam hotel itu bukannya tidak ada menjual rokok, tapi Hanuwar sengaja ingin keluar sekejap untuk berjalan-jalan.

Sambil berjalan Hanuwar mengambil sebatang rokok dari kotak tadi. Dia berhenti sebentar untuk menyalakan api ke rokok itu. Tiba-tiba dia mendengar suara seorang gadis menegurnya.

Gadis: Encik, tolong saya encik! Tolong saya!

Hanuwar (Terkejut): Eh.....kenapa ni? Kenapa?

Gadis: Tolonglah saya encik....tolonglah saya.....

Hanuwar: Apa yang harus saya tolong.... Kenapa dengan saudari?

- Gadis:** Tapi encik mau menolong saya tak?
- Hanuwar:** Ya, tapi.....Janganlah pegang tangan saya begini..... malulah!
- Gadis:** Baiklah, encik. Tapi.....
- Hanuwar:** Tapi apa?
- Gadis:** Encik mesti janji dulu.....
- Hanuwar:** Janji apa?
- Gadis:** Encik mahu menolong saya.
- Hanuwar:** Er.....baiklah. Tapi lepaskan tangan saya dulu.

Gadis itu pun melepaskan tangan Hanuwar yang dipegangnya tadi. Kemudian dia menyuruh Hanuwar mengikutinya menuju ke arah sebuah lorong.

Hanuwar mengikuti gadis itu dari belakang; sungguhpun dalam hatinya dia merasa tidak senang. Dia khawatir kalau-kalau gadis itu mempunyai nanti. Siapa tahu, mungkin gadis cantik ini menjadi umpan untuk membawanya ke sesuatu tempat untuk dirompak.

Hanuwar berhenti. Gadis itu menoleh.

Gadis: Marilah encik. Jalan cepat sikit. Tak ada apa yang hendak ditakutkan. Marilah!

Hanuwar: Tapi ke mana saudari nak bawa saya ni?

Gadis: Ke rumah saya.

Hanuwar pun berjalan lagi. Bangunan-bangunan di situ dilihatnya semua rapat-rapat belaka, dan lebih sesuai dipanggil gubuk buruk daripada rumah. Keadaan di sekelilingnya kelihatan begitu menyedihkan.

Lorong yang mereka lalui itu sungguh sempit. Jalannya penuh dengan lopak-lopak.

Gadis tadi berhenti di hadapan sebuah gubuk buruk. Dia mengetuk pintu gubuk itu beberapa kali. Perlahan-lahan pintu itu dibuka dari dalam. Bunyi ensil yang berkarat itu berkeriut bila dibuka. Seorang perempuan tua menjenguk dari dalam. Dia memandang tajam ke wajah Hanuwar. Hanuwar tidak senang dengan pandangan itu.

Gadis tadi mempersilakan Hanuwar masuk. Hanuwar masuk ke dalam rumah itu. Dia melihat keliling dengan hati-hati.

Perempuan tua tadi lantas menghilang masuk ke dalam. Di satu sudut kelihatan empat orang kanak-kanak lelaki yang berumur kira-kira dari lapan tahun kepada tigabelas tahun; mereka sedang tekun menghadapi buku-buku pelajaran mereka. Di lantai dekat mereka ada sebuah pelita minyak yang bersinar malap.

Bila Hanuwar masuk ke dalam rumah itu semua mereka menoleh. Tidak lama kemudian mereka semua bingkas bangun dan menutup buku-buku mereka. Mereka keluar mengikuti pintu yang dilalui oleh Hanuwar tadi. Tidak lama kemudian mereka dituruti oleh orang tua tadi. Mungkin juga perempuan tua ini ibu kepada budak yang empat itu.

Hanuwar: Itu semua siapa tadi?

Gadis: Mereka itu adik-adik saya. Dan perempuan tua itu ialah ibu kami.

Hanuwar: Ayahmu di mana?

Gadis: Ayah kami sudah meninggal kira-kira dua bulan lalu. Dan semenjak itulah hidup kami dalam penderitaan.

Hanuwar: Habis siapa yang memberi kamu makan dan belanja persekolahan selama ini?

Gadis: Sayalah yang memberi makan dan belanja sekolah adik-adik saya itu.

Hanuwar: Saudari kerja di mana?

Gadis: Saya belum bekerja. Saya masih menuntut dalam Tingkatan Lima.

Hanuwar (Hairan): Tapi saudari kata tadi saudarilah yang beri makan dan belanja sekolah adik-adik saudara. Bagaimana?

Gadis: Saya minta tolong dengan manusia yang mau menolong.

Hanuwar: Manusia yang bagaimana?

Gadis: Manusia yang baik hati, manusia yang seperti encik ini.

Hanuwar: Berapa banyakkah manusia yang sudah menolong saudari dan adik-adik saudara?

Gadis: Banyak. Saya tidak dapat mengira, tapi semenjak ayah me-

ninggal kami sudah tidak kurang dari duapuluh orang yang sudi menolong.

Hanuwar: Apa? Semuanya mau menolong?

Gadis: Mengapa tidak? Mereka semua menolong dengan segala senang hati. Tapi saya tidak minta tolong dengan percuma.

Hanuwar: Maksudmu?

Gadis: Saya tak pernah meminta tanpa memberi....

Hanuwar segera faham maksud gadis itu. Dia segera faham kenapa dia telah dibawa gadis itu ke rumahnya. Dia faham tujuan gadis itu, gadis yang bukan gadis lagi itu. Tiba-tiba dia jadi sejuk sejujur badannya.

Hanuwar melihat gelagat gadis itu. Sambil tersenyum dia membukakan pakaiannya satu demi satu. Perbuatan itu dijalaninya di hadapan Hanuwar. Dia tidak sedikitpun nampak malu. Bahagian dadanya yang putih itu nampak jelas dalam cahaya yang samar-samar itu.

Gadis itu kemudian merapatkan dirinya kepada Hanuwar, dan cuba memeluknya.

Hampir runtuh iman Hanuwar ketika melihat susuk badan gadis yang terdedah di hadapannya itu. Tapi dia segera sadar akan bahaya yang mengancamnya. Dia mengucap beberapa kali.

Hanuwar menolaknya ke tepi. Gadis itu terduduk dan terkejut. Dia tidak sangka yang pemuda gagah itu akan menolak penyerahannya itu.

Kemudian Hanuwar bergegas beredar dari situ. Tapi sebelum dia keluar dia telah mengambil wang kertas warna merah dua keping dari sakunya. Wang yang dua keping itu dia lemparkan ke sisi gadis tadi.

Sesampainya di hotel Hanuwar terus masuk ke dalam kamar itu. Isterinya yang baru membuka pintu kamar itu terkejut melihat suaminya yang dalam keadaan kelam-kabut itu.

Azizah: Kenapa bang? Kenapa abang jadi begini?

Hanuwar tidak dapat menjawab.

Azizah: Kenapa bang... kenapa?

Hanuwar: Abang dikejar.....dikejar syaitan, Zah.

Azizah: Dikejar syaitan? ?

Hanuwar: Abang dikejar perempuan, tapi nasib baik abang ingatkan Zah tadi. Kalau tidak tentu abang terpedaya.

Azizah: Syukurlah bang. Abang telah terselamat.....

Mereka berhenti apabila mendengar pintu bilik itu diketuk orang.

Hanuwar: Siapa agaknya itu Zah?

Azizah: Entahlah bang, nanti Zah bukakan pintu untuk melihat.

Azizah terperanjat melihat seorang wanita muda berdiri tercegat di muka pintu.

Azizah: Oh saudari, apa hajat saudari ke mari?

Hanuwar: Siapa tu, Zah?

Azizah: Ini bang, ada seorang perempuan.

Hanuwar: Er....kau.....kau? Apa yang kauhendak di sini lagi ha??

Gadis: Encik, saya telah mengejar encik sampai ke sini kerana saya nak.....

Hanuwar (Marah): Nak memperdayakan saya lagi? Tidak! Tidak! Tidak akan berlaku dua kali perkara itu....!

Gadis: Tapi encik, bukan itu maksud saya datang ke mari.

Hanuwar: Sudah, aku tak mau tengok mukakau lagi. Keluarkau dari sini sekarang! Keluar! Keluar!

Gadis: Sebenarnya encik saya cuma nak kembalikan wang encik yang terjatuh tadi.

Hanuwar: Wang saya yang terjatuh??

Gadis: Ya, semasa encik berlari tadi wang encik terjatuh dari saku encik. Nah, ini dia wangnya.

Hanuwar: Tapi...ah, wang itu saya beri pada saudari. Itu pertolongan yang ikhlas dari saya.

Gadis: Tapi saya tidak dapat menerima tanpa memberi.

Hanuwar: Ah, sudah, wang itu memang kepunyaan saudari. Ambillah wang itu buat belanja adik-adikmu yang bersekolah.

Gadis: Tidak encik, tidak, saya sudah kata saya tidak akan menerima tanpa memberi.

Hanuwar: Tapi saya sudah berjanji mau menolong saudari dan saya mesti menolong.

Gadis: Tidak encik. Terimalah kembali wang ini. Saya akan pergi dari sini sekarang. Saya minta maaf kerana mengganggu encik berdua.

Melihat gadis itu berlalu, Hanuwar menjerit.

Hanuwar: Tunggu....Tunggu....ambillah wang ini, ambillah wang ini. Ini pertolongan dari saya yang ikhlas.

Tapi gadis itu terus berjalan. Dia tidak menoleh ke belakang.

Hanuwar merasa kesal; meskipun mula-mula hatinya panas terhadap gadis itu. Dia merasa kasihan bila mengenangkan pengorbanan yang maha besar yang dibuatkan oleh seorang gadis terhadap ibu dan adik-adik

nya yang masih bersekolah itu.

Hanuwar sedar gadis itu terpaksa membuat perkerjaan yang terkutuk itu untuk menghidupkan adik-adiknya. Dia terpaksa menodakan dirinya untuk kepentingan pelajaran adik-adiknya.

Kepada Hanuwar gadis itu adalah seperti sebatang lilin - membakarkan dirinya untuk menerangi orang lain.

MALAM TIADA BINTANG

Hidup Budin tidak pernah senang. Usianya sudah mencapai lingkungan limapuluhan. Tapi dalam usia yang begitu tinggi dia tidak pernah merasa senang. Perkataan 'senang' tidak pernah timbul dalam lambaran kamus hidupnya.

Dia ingin mencipta hidup baru. Tapi bagaimana kalau cuma dengan menebang kayu-kayu balak? Bagaimana dia hendak mengubah nasibnya kalau dia hanya seorang buruh kasar? Dia yakin yang dia tidak akan senang. Budin sering merungut nasibnya.

Ingin rasa Budin hendak menjerit. Menjerit sekuat-kuat hatinya. Ingin rasanya hendak menyatakan pada manusia yang hidupnya menderita. Dia ingin memberitahu mereka bahwa hidupnya sebagai buruh kasar kayu balak adalah tertindas dalam

dunia yang bebas ini. Secara langsung atau tidak langsung darahnya diperah dan dihisap oleh kaum kapitalis.

Hari masih pagi benar. Belum jam tujuh. Budin dan rakan-rakannya mengambil peluang berehat. Mereka duduk-duduk di bawah seponon kayu sambil menanti waktu memulakan kerja masing-masing.

Budin mengeluarkan kotak rokok dari saku bajunya. Bajunya itu berbau masam. Dari dalam kotak itu dia mengeluarkan sebatang rokok. Sesudah dibakarnya, rokok itu disedutnya dalam-dalam.

Asap rokok itu berkepul naik ke udara. Mata Budin mengekori asap itu. Asap itu kemudian beterbangan menuju ke celah-celah daun-daun kayu yang hijau. Dan kemudian hilang entah ke mana.

Rokok itu disedutnya lagi dalam-dalam dan lama-lama. Matanya dipejamnya rapat-rapat. Seolah-olah dia mahu melupakan dunia ini untuk seketika. Untuk seketika fikirannya tiada gangguan apa-apa.

Tiba-tiba seekor monyet datang melompat entah dari mana; sambil melompat-lompat monyet itu menjerit.

Budin bangun dari duduknya. Dia mencapai sepotong kayu keras. Kayu itu dilontarnya ke arah monyet itu. Kayu itu terkena pada sebatang dahan yang berdekatan. Monyet itu terkejut lantas menjerit dan lari hilang entah ke mana.

Budin: Jahanam.....pengacau.....

Musa: Dia tak kacau kita. Buat apa dia diganggu?

Budin: Tak mengacau katakau? Dia sedang marah itu.....

Musa: Marah?

Budin: Ya, kerana kita menebang hutan. Bukan kautak tau monyet itu tinggal di situ. Orang datang menebang dan mencuri rumah-rumah mereka.

Kawan-kawan Budin yang lain tidak mahu masuk campur dalam perbualan Budin dan Musa. Mereka cuma mendengarnya dengan diam saja. Mereka tidak tahu berbicara hal-hal serupa itu. Apa yang mereka tahu ialah menebang kayu balak dalam hutan itu, mengupas kulit-kulit kayu yang keras itu dan apabila cukup jam, mereka balik makan. Lepas itu balik lagi ke dalam hutan itu untuk bekerja semula. Cukup jam lima mereka

akan balik ke rumah masing-masing. Itu saja.

Bila cukup bulan mereka merasa senang dan gembira. Mereka akan terima gaji mereka yang tidak seberapa itu. Dengan wang gaji itu mereka akan mengisi perut masing-masing. Dengan wang itu mereka akan mengisi periuk nasi mereka untuk menghidupkan anak-anak mereka. Anak-anak inilah kelak manusia yang akan membantu mereka. Mungkin seorang dua akan menjadi bapa menteri.

Budin dan Musa masih berdebat.

Musa: Tapi kita menebang untuk wang. Untuk menghidupkan anak-anak kita semua.

Budin (Marah): Bukan itu saja. Kita juga menebang kayu ini untuk majikan kita yang berperut buncit itu. Kita yang bertungkus lumus. Bekerja setengah mati. Majikan kita itu cuma senang-senang goyang kaki. Bila badan kita bertambah kurus, perut kita bertambah kempis, badan majikan kita bertambah gemuk dan perutnya bertambah gendut.

Musa (Mengejek): Tapi kita cuma makan gaji.....

Budin (Marah): Kata orang kalau kita kerja keras kita akan dapat senang. Tapi kita kerja kuat ni tak ada senangnya. Malah majikan yang tak payah kerja itu bertimbun-timbun duitnya.

Budin tidak menghiraukan kata-kata Musa tadi. Dia mencurahkan kesalan hatinya. Perasaan bencinya terhadap majikannya meluap-luap. Berkobar-kobar persis api di curahkan minyak.

Musa (Suara lembut): Kita orang makan gaji, Din, makan gaji. Apa yang boleh kita buat? Terpaksalah menurut aja.

Budin (Masih marah): Aku tau....aku tau itu....Aku tak dengki yang majikan kita jadi kaya. Itu haknya. Itu sudah nasibnya.

Musa: Habis.....?

Budin (Dengan penuh perasaan): Apa yang aku mau ialah yang gaji kita mencukupi. Kita bekerja memperjuangkan nyawa, tapi gaji kita hanya wang yang beberapa helai itu saja.

Musa: Sudahlah Din, cakap pun tak ada gunanya. Kita tak punya kuasa. Kita tak dapat buat apa-apa.

Budin: Kita bukannya pengemis. Kita bukannya hamba pada manusia ini. Apa yang aku tuntutan ialah supaya titikpeluh kita dipertimbangkan.

Musa (Suara perlahan): Sudahlah Din, kita cuma dikehendaki bekerja. Jangan suka melawan, nanti kita juga yang parah.

Budin (Marah): Aku tak peduli. Aku mau menegakkan keadilan. Mana dia keadilan yang dilaung-laungkan oleh manusia dalam negara yang merdeka ini? Aku mau titikpeluh kita dibeli oleh majikan-majikan dengan harga yang berpatutan. Tenaga kita punya nilai. Akutak mau darah aku, dan juga darah kamu semua dihisap oleh lintah-lintah darat yang gemuk ini dengan percuma.

Musa tidak mahu menjawab kata-kata Budin itu. Kalau dia dilawan bercakap-cakap nanti sudah pasti darahnya akan naik ke kepala. Dan dia pun takut yang kata-kata Budin itu nanti akan didengar oleh Mandur Kassim.

Besoknya Budin tidak datang kerja. Badannya seram-seram sejuk. Dia tidur di rumahnya; berselimut selimut dengan sehelai kain selimut yang sudah usang.

Lusanya dia balik kerja seperti biasa. Sebelum memulakan kerja dia duduk-duduk dengan kawan-kawannya di bawah pohon kayu yang sama. Musa juga ada di situ.

Musa: Hai Din, kenapa tak datang kerja kelmarin?

Budin: Badanku tak sedaplah. Seram-seram sejuk saja.

Musa: Din, kautau tak? Mandur Kassim marah-marah saja.

Budin (Suara ingin tahu): Siapa dan apa yang dia marahkan?

Musa: Siapa lagi.....kaulah yang dia marahkan! Sebab kautak datang kerja kelmarin.

Budin (Meludah ke tanah): Huh, pandai-pandai nak marahkan kita. Dia fikir dia siapa? Eh, Musa, apa dia kata.....

Musa: Dia kata yang awak.....

Musa tidak sempat hendak meneruskan. Mandur Kassim sudah tiba. Wajahnya masam seperti cuka. Lebih masam dari asam paya! Dia menuju ke kumpulan manusia yang duduk di bawah pohon kayu itu. Matanya liar melihat kepada Budin dan rakan-rakannya. Persis mata ular melihat mangsanya.

Musa dan rakan-rakannya bangun tergesa-gesa sambil memberi hormat kepada Mandur Kassim.

"Selamat pagi tuan," jerit mereka serentak.

Mandur Kassim tidak menjawab. Dia mesti diberi hormat. Dia mesti dipanggil 'tuan'. Kalau Musa dan rakan-rakannya tidak berbuat demikian Mandur Kassim akan menyumpah-nyumpah. Maki hamunnya akan menyimbah-nyimbah keluar dari mulutnya.

Tapi pagi itu Budin tidak seperti biasa. Tadi bila rakan-rakannya semua berdiri memberi hormat kepada Mandur Kassim, dia masih duduk membatu. Dia pura-pura tidak nampak Mandur Kassim berdiri di situ. Dia betul-betul buat degil.

Mandur Kassim (Marah): Hei, Budin kenapa awak tak beri hormat pada saya, haaa??

Budin (Marah): Buat apa beri hormat pada orang kalau orang itu tak hormatkan diri saya?

Mandur Kassim (Membentak): Apa maksud awak?

Budin diam tidak menjawab.

Musa dan rakan-rakannya tidak mahu masuk campur dalam hal mereka itu. Biarkan mereka berdua saja. Mereka takut kalau mereka campur tangan periuk nasi mereka akan pecah. Mereka tidak mahu itu berlaku nanti. Jadi mereka cuma jadi penonton sandiwara yang sedang dilakukan oleh Budin dan Mandur Kassim. Mereka ingin melihat siapakah yang akan jadi juara dalam tikaman lidah itu kelak.

Mandur Kassim menukar tajuk soalnya.

Mandur Kassim (Menjerit): Budin!!!

Budin: Ya, apa yang awak mau??

Mandur Kassim: Kenapa awak tak datang kerja kelmarin?

Budin: Deman.....

Mandur Kassim (Mengejek): Jadi hari ini awak tak demam lagi, ya?

Budin: Aaaaa...hari ini ada baik sikit tapi masih juga pening.....

Mandur Kassim: Itulah kita orang Melayu...kalau demam sikit nak rehat. Bila nak senang? Demam sikit tak mau kerja.....

Budin (Marah): Awak jangan nak bangkit-bangkitkan bangsa Melayu. Awak sendiri pun orang Melayu.

Mandur Kassim: Aku tau aku sendiri orang Melayu. Tak perlu awak ingatkan aku. Tapi aku benci pada orang yang malas.

Budin (Marah): Tapi bukannya aku tidak mau kerja kelmarin. Aku sudah kata aku demam. Seram-seram sejuk! Tak retikah?

Mandur Kassim: Ah! Jangan nak sembunyikan lagi. Awak tak

demam. Kalau awak demam takkan awak boleh datang hari ini. Ini, kelmarin demam, hari ini dah baik. Demam apa itu? Demam pura-pura!

Budin (Marah):

Aku sudah kata aku demam, aku demam! Kalau awak tak percaya tak apa. Aku pun tak paksa. Kami yang miskin begini kalau boleh bekerja, kami akan bekerja. Bukan seperti yang awak sangkakan itu.

Mandur Kassim (Marah):

Sudah! Aku tak mau dengar hujah-hujah awak tu lagi. Sekarang pergi kerja, pemalasssss!!

Perkataan 'Pemalas' itu membuat telinga Budin jadi pedas. Mukanya juga serta merta jadi merah, persis udang dibakar. Dan telinganya merah persis bunga raya yang baru kembang.

Budin tidak sabar lagi. Hatinya tidak dapat dikawal lagi. Api kemarahannya menyala-nyala. Dan api itu membakar kini.

Budin (Suara penuh dendam):


Kaukata aku pemalas ya? ? Naahhhh...

Budin meluru menerkam ke arah Mandur Kassim. Rambut Mandur Kassim yang tersikat rapi itu digenggamnya. Dan secepat kilat jari telunjuk dan jari hantu tangan kanannya meluru ke hadapan. Jari-jari itu masuk terbenam ke dalam kedua biji mata Mandur Kassim. Jari telunjuknya terbenam ke dalam biji mata kanan dan jari yang satu lagi terbenam ke dalam biji mata kiri. Kedua-dua biji mata itu pecah!!

Budin menarik jarinya keluar. Penuh darah. Dan darah memancut keluar dari kedua-dua lubang di muka Mandur Kassim.

Mandur Kassim tersungkur menyembah bumi. Dia jatuh pengan. Musa dan rakan-rakannya meluru ke arah sandiwara yang berlaku itu. Mereka menahan Budin, takut kalau-kalau dia akan membunuh Mandur Kassim kalau tidak ditahan.

Mandur Kassim dibawa dengan sebuah lori kayu balak menuju rumahsakit. Dia masih dalam keadaan pengan. Darah merah pekat masih banyak yang keluar dari kedua lubang matanya. Dan Budin terpaksa diserahkan kepada pihak yang berkuasa. Sungguhpun Budin dibawa ke balai polis, dia tidak merasa gentar. Hatinya puas. Dia telah menunjukkan kepada Mandur Kassim yang dia bukan pengecut. Dia harap ketua-ketua lain tidak



Mereka menahan Budin

akan menghina orang-orang yang di bawah mereka. Mereka buruh, tetapi mereka juga manusia. Mereka juga inginkan sinaran cahaya walaupun masa depan mereka nampaknya gelap. Gelap seperti malam yang tidak berbintang.

AIR SURUT MUDIK KE HULU

Ayah: Kaumau ke mana Yati? Tiap petang mau keluar.....

Hayati: Err, Yati nak pergi jalan-jalan ayah.....ambil udara di tepi pantai.....

Ayah: Masakan kauharus ambil udara tiap-tiap hari hingga malam..... Bagaimana dengan pelajaranmu? Kautak ambil peduli langsung.

Hayati: Tapi, Yah, Yati perlu rehat sesudah belajar.....takkanlah mau belajar setiap waktu.....

Ayah (Curiga): Tapi kauselalu keluar waktu senja.....dan kausendiri pasti sedar yang peperiksaan seniorkau tu tak lama lagi. Kauharus belajar

sungguh-sungguh Yati. Ayah mau kauberjaya dalam hidup.

Hayati: Yati faham, Yah.....Yati akan belajar bersungguh-sungguh dan akan belajar waktu malam....tapi Yati mau ambil angin waktu petang-petang begini.....Yati pergi dulu ya ayah.....

Ayah Hayati tidak menjawab. Dia tidak dapat berbuat apa-apa. Dia mengeluh. Dia takut yang anak gadisnya nanti akan ketinggalan dalam mengejar pengetahuan. Dia takut yang anak gadis itu akan tertinggal di tengah jalan. Usianya meningkat dan pelajarannya akan terbengkalai.

Di tepi pantai senja itu Hayati sungguh gembira. Hatinya riang benar. Dia berjalan menyusur pantai. Di sampingnya berjalan seorang pemuda, teman sedarjahnya. Pemuda itu ialah Idham. Mereka berjalan bergandingan bahu.

Idham pemuda kacak. Bagi Hayati Idham adalah pemuda yang dia harapkan untuk menjadi teman hidupnya yang abadi. Pada Hayati Idham memang lawa. Segak dan tampan.

Setelah berjalan-jalan di tepi pantai itu Idham mengajak Hayati ke panggung wayang.

Jam sembilan setengah malam wayang gambar tamat. Hayati di hantarkan Idham sampai ke rumahnya. Mereka berjanji akan berjumpa lagi esok malam.

Suatu petang Karim, suami kepada kakak Hayati, datang melawat ke rumah mertuanya. Isterinya tidak ikut sama. Memang Karim selalu datang melawat ke rumah mertuanya di kampung. Tapi hari itu dia datang dengan hajat yang tertentu. Dia hendak mencurahkan kata-kata hatinya kepada bapa dan ibu mertuanya.

Ayah Hayati gelisah mendengar cerita yang dibawa oleh Karim dari kota. Dia mulai mencurigai Hayati.

Petang itu apabila Hayati balik dari sekolah dia telah dipanggil oleh ayahnya. Ayahnya mahu tahu akan kejujuran si anak itu. Dada ibunya berdebar bila mendengar yang si ayah akan memberang dan menyinga.

Ayah: Yati...ayah dengar kauselalu berkawan dengan budak Idham tu! Kaudengar sini; ayah tak suka kauberkawan dengan jantan itu! Kau faham.....?

Hayati: Tapi Yah, Idham cuma kawan sedarjah Yati.....lagipun kami tak.....

Ayah: Kauharus sedar Yati, yang kauakan menghadapi peperiksaan yang paling besar dan berat di ujung tahun ini nanti.....kauharus berhati-hati tentang masa depankau! Hanya kausendirilah yang dapat menentukan masa depanmu.....

Hayati: Tapi Yah....kami tak buat apa yang dilarangkan oleh ugama. Yati dan Idham cuma berkawan biasa. Idham tempat Yati bertanya dan berbincang mana-mana pelajaran yang Yati kurang faham.....

Ayah (Marah): Tapi masakan kauberbincang pelajaran di tepi pantai. Mana ada orang berbincang pelajaran di tepi pantai? Tepi pantai tu tempat orang main asmara.....

Hayati: Tapi Yah, siapa yang buat cerita ini. Janganlah ayah percaya akan kata orang.....

Ayah (Marah): Siapa lagi kalau tidak Karim, abang iparmu sendiri.....

Hayati (Mencemuh): Huh... abang Karim.. dia yang pandai bikin cerita.....

Ayah: Ingat Yati, abang Karim itu abang

iparmu, suami kakakmu sendiri; sudah tentu dia tak mau namakau jadi cemar. Sudah tentu dia tak mau nama keluarga kita jadi busuk disebabkan oleh perbuatankau....

Hayati (Menjerit): Dusta! Itu semuanya dusta!

Ayah: Masakan Karim berdusta dengan aku, Yati...Kaudengar cakap ayah ini....Mulai hari ini kaujangan keluar dari rumah ini waktu senja lagi! Kauhanya boleh pergi ke-sekolah dan dari sekolah kauterus balik ke rumah! Kaujangan keluar malam lagi.....

Hayati (Merayu): Ayah...percayalah,Yah, hubungan Yati dengan Idham adalah suci ayah, percayalah.....

Ayah: Ahh! Sudah! Sudah.....

Hayati terus beredar dari situ. Dia terus masuk ke kamarnya dan menghempaskan dirinya ke atas katil. Dia menangis dengan sepuas-puas hatinya. Hatinya sungguh sedih. Dia sungguh kesal di atas sikap ayahnya.

Karim semakin kerap datang ke rumah mertuanya. Kadang-kadang dia datang se-orang diri saja.

Beberapa bulan kemudian suasana di rumah itu menjadi gempar. Hayati menangis di dalam kamarnya.

Ibu: Kenapakau Yati? Kenapakau tiba-tiba saja menangis?

Hayati tidak menjawab. Dia menangis terus.

Ibu (Cemas): Cakap pada mak, Yati, kenapakau jadi begini? Apa kau-sakit?

Hayati (Menangis): Tidak bu, Yati tak sakit.....Cuma.....

Ibu (Cemas): Cuma apa, nak?

Hayati (Menangis): Yati.....Yati sakit perut bu.....

Ibu Hayati memegang perut anaknya. Wajahnya menjadi pucat. Dia tiba-tiba terketar-ketar seperti orang yang diserang demam kepialu.

Ibu (Mengeluh): Ya Allah! Apa dah jadi dengankau ni Yati?

Ayah: Kenapa Yati? Kenapa anak kita?

Ibu: Anak kita bang, anak ni.....

Ayah (Tak sabar): Anak ni apa?!

Ibu (Cemas): Anak ni mengandung, bang,
mengandung.....

Ayah (Terkejut): Aapppaaaaaa.....Yati
mengandung.....??

Ibu: Sabar bang, sabar.....

Ayah (Marah): Yati, siapa yang membuat
angkara ini? Cakap!

Tapi Hayati hanya menangis dan membisu

Ayah (Kasar-membentak): Cakaaaaaapppp
Yati!! Cakaaaaaaaapppppp!!

Hayati (Menangis): Ayah.....

Ayah: Siapa? Ini sudah pasti Idham yang
punya kerja. Akan kubunuh dia,
akan kubunuh dia.....

Hayati (Menangis): Tidak ayah...tidak....

Ayah: Manusia seperti Idham memang
tidak harus hidup dalam dunia ini.
Lebih baik dijadikan rezeki
cacing-cacing tanah.....

Hayati: Tidak ayah....bukan Idham.....

Ayah (Hairan): Bukaannnn.....??

Hayati (Menangis): Bukan, ayah....bukan Idham.....

Ayah (Kasar): Habis, siapa lagi? Jantan mana lagi?

Hayati (Dengan Iesu): Aa...abang...kk... Karim, Yah.....

Gelap pandangan Encik Daud ketika itu. Dia tidak mahu percaya apa yang didengarnya. Itu tidak mungkin! Tidak, dia tidak percaya!

Ayah: Apa katakau Yati? Siapa katakau tadi?

Hayati: Abang Karim, Yah....dia yang melakukan ini semua.....

Dada Encik Daud membara. Dia menyumpah-nyumpah Karim, menantunya. Kini dia sedar. Karim manusia lidah bercabang. Rupanya air pasang mengalir ke muara. Air surut mudik ke hulu.

Encik Daud ingin membalas dendam. Anak gadisnya yang suci dulu kini sudah

diperkosa oleh manusia yang pandai berkata-kata. Dia tidak sangka yang Karim tergamak melakukan perkara itu. Dia tidak sangka yang Karim akan memakan dagingnya sendiri.

Karim menantunya. Tapi kini dia dipandangkan oleh Encik Daud sebagai seekor anjing yang membongkar tong-tong sampah di pinggir jalan.

Dia mahu mengambil tindakan. Perbuatan buruk itu tidak boleh di diam-diamkan saja. Tidak boleh dibiarkan bermahajalela. Encik Daud tidak mahu seluruh masyarakat kampung tahu yang dia sedang menyimpan tempayan budu yang bakal pecah di dalam rumahnya. Dia tidak sanggup mendengar segala cacian orang kampungnya. Orang-orang kampung di daerahnya memang suka memperkatakan orang, terutama sekali perkara-perkara yang buruk. Tapi kalau perkara-perkara yang baik mereka jarang mempedulikan.

Apa akan terjadi kalau dia mengadukan hal ini kepada pihak yang berkuasa? Kalau pihak polis campur tangan? Sudah pasti perkara ini akan dijadikan berita hangat dalam suratkhobar.

Encik Daud tahu tindakan apa yang harus diambilnya. Dia sudah nekad. Apa yang akan terjadi, jadilah. Dia tidak peduli lagi. Manusia keparat mesti dihukum. Manusia jahanam mesti dijahanamkan. Manusia keji harus dihapuskan dari permukaan bumi ini. Mesti.

Dengan golok terikat di pinggang, Encik Daud melompat turun tangga dalam gelap pekat malam. Dia berjalan menuju ke bandar. Dalam hatinya sudah terpendam satu niat. Apa yang akan terjadi, jadilah.



Harga: M\$1.80